




KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA

# PENDIDIKAN SENI VISUAL

## PENDIDIKAN KHAS

### Tingkatan 2





# **RUKUN NEGARA**

**Bahawasanya Negara Kita Malaysia**  
mendukung cita-cita hendak;

Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam  
kalangan seluruh masyarakatnya;

Memelihara satu cara hidup demokrasi;

Mencipta satu masyarakat yang adil di mana  
kemakmuran negara akan dapat dinikmati bersama  
secara adil dan saksama;

Menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi  
kebudayaannya yang kaya dan pelbagai corak;

Membina satu masyarakat progresif yang  
akan menggunakan sains dan teknologi moden;

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar  
akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami  
untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan  
prinsip-prinsip yang berikut:

**KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN  
KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA  
KELUHURAN PERLEMBAGAAN  
KEDAULATAN UNDANG-UNDANG  
KESOPANAN DAN KESUSILAAN**

(Sumber: Jabatan Penerangan, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia)

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH PENDIDIKAN KHAS



# PENDIDIKAN SENI VISUAL

Tingkatan 2  
(PENDIDIKAN KHAS)



## Penulis

Mohammed Faizal Abd Wahid

## Editor

Norazhar Razali

## Pereka Bentuk

Muhamad Faizal Mokhtar

## Ilustrator

Anuar Ismadi Hassim

 aras mega (m) sdn bhd  
(164242-W)

2017



# KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

No Siri Buku : 0050

KPM2017 ISBN 978-967-0520-96-4

Cetakan Pertama 2017

© Kementerian Pendidikan Malaysia

Hak Cipta Terpelihara. Mana-mana bahan dalam buku ini tidak dibenarkan diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk atau cara, baik dengan elektronik, mekanik, penggambaran semula mahupun dengan cara perakaman tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Diterbitkan untuk Kementerian Pendidikan Malaysia oleh:

Aras Mega (M) Sdn. Bhd (164242-W)  
No. 18 & 20, Jalan Damai 2,  
Taman Desa Damai, Sg. Merab,  
43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan.  
No. Telefon: 03-8925 8975  
No. Faksimile: 03-8925 8985  
Laman Web: [www.arasmega.com](http://www.arasmega.com)  
E-mel: [amsb@arasmega.com](mailto:amsb@arasmega.com)

Reka Letak dan Atur Huruf:

Aras Mega (M) Sdn. Bhd.  
Muka Taip Teks: Azim  
Saiz Muka Taip Teks: 13 poin

Dicetak oleh:

Attin Press Sdn. Bhd.,  
No. 46, Jalan 2/108,  
Taman Salak Jaya, Salak Selatan,  
57100 Kuala Lumpur.  
No. Telefon: 03-7984 7626  
No. Faksimile: 03-7981 5153

## PENGHARGAAN

Penerbitan buku ini melibatkan kerjasama banyak pihak. Sekalung penghargaan dan terima kasih ditujukan kepada semua pihak yang terlibat.

- Jawatankuasa Penambahbaikan Pruf Muka Surat, Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jawatankuasa Penyemakan Pembetulan Pruf Muka Surat, Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jawatankuasa Penyemakan Naskhah Sedia Kamera, Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Pegawai-pegawai Bahagian Buku Teks dan Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jawatankuasa Peningkatan Mutu, Aras Mega (M) Sdn. Bhd.
- Ishak bin Kassim, Kraf Rotan Ishak.
- Mohd Hasmuni bin Mahat, Pandan Molek Enterprise.
- Dr. Rosli bin Zakaria, Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka, UiTM Melaka.
- Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara (LPSVN).
- Hospital Putrajaya.

Semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam usaha menjayakan penerbitan buku ini.

# KANDUNGAN

*Pendahuluan* v

*Pengenalan* 1

## **Modul 1** Bahasa Seni Visual (Unsur Seni) 2

Unit 1: Garisan 4

Unit 2: Rupa 10

Unit 3: Bentuk 16

Unit 4: Jalinan 22

Unit 5: Warna 29

Unit 6: Ruang 35

## **Modul 2** Bahasa Seni Visual (Prinsip Rekaan) 42

Unit 1: Harmoni 44

Unit 2: Kontra 50

Unit 3: Penegasan 55

Unit 4: Kepelbagaian 60

Unit 5: Imbangan 65

Unit 6: Kesatuan 71

Unit 7: Irama dan Pergerakan 76

<b>Modul 3</b>	<b>Seni Halus</b>	<b>82</b>
Unit 1: Lukisan		84
Unit 2: Catan		91
Unit 3: Arca		99
Unit 4: Cetakan		107
<b>Modul 4</b>	<b>Komunikasi Visual</b>	<b>112</b>
Unit 1: Komunikasi Visual Melalui Poster		114
<b>Modul 5</b>	<b>Kraf Tradisional</b>	<b>122</b>
Unit 1: Projek Kraf Anyaman		124
<b>Modul 6</b>	<b>Folio</b>	<b>131</b>
Unit 1: Folio Seni Halus		132
<i>Glosari</i>		135
<i>Senarai Rujukan</i>		138



# PENDAHULUAN

*Pendidikan Seni Visual (Pendidikan Khas) Tingkatan 2* merupakan buku teks yang dihasilkan berdasarkan keperluan Kurikulum Standard Sekolah Menengah Pendidikan Khas (KSSMPK) dan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Pendidikan Seni Visual Tingkatan 2 yang disediakan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Kandungan buku ini meliputi enam modul, iaitu:

Modul 1 : Unsur Seni

Modul 2: Prinsip Rekaan

Modul 3: Seni Halus

Modul 4: Komunikasi Visual

Modul 5: Kraf Tradisional

Modul 6: Folio

Buku ini menerapkan pelbagai pendekatan pembelajaran yang sesuai dengan keperluan semasa menerusi Elemen Merentas Kurikulum (EMK). Antaranya seperti Nilai Murni, Kreativiti dan Inovasi, Keusahawanan, dan Teknologi Maklumat dan Komunikasi.

Buku ini disediakan sebagai panduan Murid Berkeperluan Khas (MBK). Guru boleh mengubah suai atau membina modul yang bersesuaian mengikut keperluan MBK. Langkah-langkah penghasilan karya dipaparkan secara terperinci supaya mudah untuk dirujuk dan digunakan oleh murid dan guru.

Buku ini diharap mampu merealisasikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan wawasan negara. Selain itu, buku ini juga diharap dapat melahirkan MBK yang berpengetahuan dan berkemahiran dalam bidang seni visual bagi menyumbang pada pembangunan diri, masyarakat, dan ekonomi negara.

# PENERANGAN IKON



## MODUL

Menunjukkan permulaan modul.



## UNIT

Menunjukkan permulaan unit.



## APLIKASI SENI

Murid melakukan aktiviti pembelajaran.



## ASAS KEUSAHAWANAN

Memacu idea kreatif dan inovatif untuk dipasarkan.



## INGAT!

Memberikan perhatian kepada murid terhadap aspek kebersihan dan keselamatan.



## INFO

Memuatkan maklumat tambahan.

## NOTA GURU

Memberikan panduan kepada guru untuk melaksanakan aktiviti atau mencadangkan aktiviti tambahan lain yang boleh dilaksanakan oleh murid.



## KBAT

Mengemukakan soalan yang dapat mencetuskan kemahiran berfikir aras tinggi.



◀ Sila imbas



Memberikan maklumat dalam bentuk *QR Code* yang boleh diimbas menggunakan aplikasi khas di dalam telefon pintar atau *tablet*.



# PENGENALAN

Kandungan buku ini meliputi gabungan empat bidang utama, iaitu Asas Seni Reka, Seni Halus, Komunikasi Visual, dan Kraf Tradisional. Asas Seni Reka melibatkan elemen Bahasa Seni Visual yang terdiri daripada Unsur Seni dan Prinsip Rekaan. Unsur Seni terbahagi kepada enam, iaitu Garisan, Rupa, Bentuk, Jalinan, Warna, dan Ruang. Prinsip Rekaan pula terbahagi kepada tujuh, iaitu Harmoni, Kontra, Penegasan, Kepelbagaian, Imbangan, Kesatuan, dan Irama dan Pergerakan. Seni Halus terdiri daripada aktiviti Lukisan, Catan, Arca, dan Cetakan. Komunikasi Visual pula memfokus kepada Poster. Bidang terakhir, iaitu Kraf Tradisional memberi tumpuan kepada Projek Kraf Anyaman.



# MODUL 1

## BAHASA SENI VISUAL (UNSUR SENI)

Unsur seni terbahagi kepada enam, iaitu:

**Garis, Rupa, Bentuk, Jalinan, Warna, dan Ruang.**



### I.1: GARISAN

**Murid berupaya:**

- I.1.1 Menyatakan maksud garisan.
- I.1.2 Mengenal jenis-jenis garisan.
- I.1.3 Menghasilkan lukisan dengan menggunakan garisan.

### I.2: RUPA

**Murid berupaya:**

- I.2.1 Menyatakan maksud rupa.
- I.2.2 Mengenal jenis rupa:
  - (i) Rupa organik
  - (ii) Rupa geometrik
- I.2.3 Menghasilkan corak dengan menggunakan susunan rupa.

### I.3: BENTUK

**Murid berupaya:**

- I.3.1 Menyatakan maksud bentuk.
- I.3.2 Mengenal bentuk:
  - (i) 2D
  - (ii) 3D
- I.3.3 Menghasilkan bentuk:
  - (i) 2D
  - (ii) 3D

### I.4: JALINAN

**Murid berupaya:**

- I.4.1 Menyatakan maksud jalinan.
- I.4.2 Mengenal jalinan:
  - (i) Sentuh
  - (ii) Tampak
- I.4.3 Menghasilkan jalinan:
  - (i) Sentuh
  - (ii) Tampak

### I.5: WARNA

**Murid berupaya:**

- I.5.1 Menyatakan maksud warna.
- I.5.2 Mengenal jenis-jenis warna:
  - (i) Warna asas
  - (ii) Warna sekunder
- I.5.3 Menghasilkan gabungan warna:
  - (i) Warna asas
  - (ii) Warna sekunder

### I.6: RUANG

**Murid berupaya:**


- I.6.1 Menyatakan maksud ruang.
- I.6.2 Mengenal jenis-jenis ruang:
  - (i) Ruang nyata
  - (ii) Ruang tampak
- I.6.3 Menghasilkan ruang:
  - (i) Ruang nyata
  - (ii) Ruang tampak



**GARISAN**



**RUPA**



**BENTUK**



**JALINAN**



**WARNA**



**RUANG**




◀ Sila imbas



Layari laman sesawang <http://arasmega.com/qr-link/unsur-seni/> untuk menonton video Unsur-unsur Seni. (Dicapai pada 3 Oktober 2016)

Garis adalah cantuman siri titik. Garis terdapat pada alam semula jadi, objek buatan manusia, dan karya seni visual. Garis boleh dihasilkan dengan menggunakan alat, media, atau bahan tertentu di atas sesuatu permukaan.

## Jenis-jenis Garisan




### NOTA GURU

- I.1.1 Guru menyatakan maksud garisan.
- I.1.2 Guru mengenalkan jenis-jenis garisan.

## Fungsi Garisan




Menimbulkan rupa



Mewujudkan bentuk




Mewujudkan ruang



Menghasilkan jalinan



Mewujudkan ton



Menghasilkan pelbagai corak



## Lukisan Pemandangan

### Alat dan Bahan

- Pensel warna
- Pen
- Kertas lukisan
- Pemadam
- Pensel
- Pen penanda



1  
Lakarkan pemandangan dengan menggunakan pensel.



2  
Ulang langkah 1 dengan pen penanda.



3  
Tambahkan pelbagai jenis garisan dengan pen.



4  
Warnakan lukisan dengan pensel warna.



### INFO

Doodle ialah lukisan contengan mudah yang mempunyai makna atau sekadar garisan rawak dan abstrak secara spontan ataupun dirancang.



### INGAT!

Jaga kebersihan dan keselamatan semasa menjalankan aktiviti ini.

### NOTA GURU

1.1.3 Guru membimbing murid menghasilkan lukisan dengan menggunakan garisan.

## Hasil Karya Lukisan Pemandangan



Pamerkan hasil karya kamu kepada rakan-rakan di hadapan kelas.

Minta pendapat rakan-rakan berkenaan hasil karya kamu itu.



Apakah kesan yang dapat ditimbulkan jika kamu menyusun garisan dengan pelbagai gaya?

## Rumusan

Garisan wujud di persekitaran kita. Tanpa garisan, rupa, dan bentuk tidak dapat dihasilkan. Garisan merupakan unsur seni yang sangat penting dan berkait rapat dengan kehidupan kita sehari-hari.



## ASAS KEUSAHAWANAN

Pelbagai jenis lukisan dan catan yang menarik boleh dihasilkan melalui unsur garisan. Hasilkan karya bertemakan alam semula jadi atau objek buatan manusia untuk dikomersialkan.



## NOTA GURU

- Guru meminta murid menyimpan hasil karya untuk didokumentasikan.

## Latihan 1

Isi tempat kosong di bawah dengan jenis garisan yang betul.

Garisan berlingkar


Garisan titik-titik

Garisan menegak

Garisan beralun

Garisan bergerigi

Garisan putus-putus




### NOTA GURU

- Guru perlu membuat salinan halaman ini sebelum menjalankan aktiviti.
- Guru meminta agar murid menyimpan hasil karya untuk didokumentasikan.



## Latihan 2

Lengkapkan lukisan di bawah dengan pelbagai jenis garisan menggunakan media yang berbeza.



### INFO

Media ialah bahan yang digunakan dalam penghasilan sesuatu karya seperti pensel, pensel warna, pen, krayon, dakwat, cat air, cat poster, dan sebagainya.

### NOTA GURU

- Guru perlu membuat salinan halaman ini sebelum menjalankan aktiviti.
- Guru meminta agar murid menyimpan hasil karya untuk didokumentasikan.

Rupa ialah hasil pertemuan penghujung sesuatu garisan dengan permulaannya.  
Rupa ialah garisan luar sesuatu benda.

## Jenis-jenis Rupa


### Rupa organik

Rupa bebas tanpa sudut



### Rupa geometrik

Rupa bulat dan rupa bersudut



### INFO

Rupa boleh dilihat secara:

Rupa positif



Rupa negatif



Apakah jenis-jenis rupa?


### NOTA GURU

- 1.2.1 Guru menyatakan maksud rupa.
- 1.2.2 Guru mengenalkan jenis rupa organik dan rupa geometrik.

## Fungsi Rupa

### Menghasilkan muka taip

- Senang dibaca.
- Menarik perhatian.
- Menyatakan maksud sesuatu mesej.




### Menghasilkan corak

- Olahan rupa boleh menghasilkan pelbagai corak.
- Rupa-rupa baharu akan kelihatan lebih kreatif, dinamik, dan menarik.



### Menghasilkan simbol, lambang, atau logo

- Simbol, lambang, atau logo diolah daripada muka taip, alam semula jadi, dan objek buatan manusia.





# Aplikasi Seni

## Penanda Buku

### Alat dan Bahan



Kad manila




Gunting



Gam



Pemadam




Pembaris




Pen




Pensel




- 1** Lipatkan kad manila bersaiz segi empat sama.




- 2** Lipat dan bukakan kedua-dua bucu kad manila.




- 3** Lorekkan rupa segi empat dan segi tiga.




- 4** Guntingkan bahagian lorekan.



- 5** Lipatkan bucu kanan ke bawah.



- 6** Lipatkan bucu kiri ke bawah dan gamkannya.



- 7** Lakar dan guntingkan rupa mata dan gigi.



- 8** Gamkan rupa mata dan gigi.



- 9** Kemasan karya.



### INGAT!

Jaga kebersihan dan keselamatan semasa menjalankan aktiviti ini.

### NOTA GURU

1.2.3 Guru membimbing murid menghasilkan corak dengan menggunakan susunan rupa.

## Hasil Karya Penanda Buku



Pamerkan hasil karya kamu kepada rakan-rakan di hadapan kelas.

Minta pendapat rakan-rakan berkenaan hasil karya kamu itu.



### Rumusan

Rupa wujud dalam penghasilan karya, terutamanya dalam bidang komunikasi visual dan penghasilan bentuk. Rupa juga terdapat dalam objek buatan manusia, seperti corak jubin dan corak kain.



Bagaimanakah corak dapat dihasilkan daripada sesuatu rupa?





### ASAS KEUSAHAWANAN

Terdapat pelbagai jenis rupa, bentuk, saiz, dan rekaan penanda buku yang boleh dihasilkan. Penanda buku yang kreatif dan cantik dapat menarik perhatian pembeli.





## Latihan 1


Padankan **rupa positif** atau **rupa negatif** pada gambar yang betul.



Rupa  
Positif



Rupa  
Negatif









### NOTA GURU

- Guru perlu membuat salinan halaman ini sebelum menjalankan aktiviti.

## Latihan 2

Tandakan **A** bagi **rupa organik** dan **B** bagi **rupa geometrik**.



### NOTA GURU

- Guru perlu membuat salinan halaman ini sebelum menjalankan aktiviti.

Bentuk ialah cantuman rupa yang mempunyai struktur jisim dan isi padu. Bentuk mempunyai lebih daripada satu permukaan. Bentuk dapat dilihat daripada pelbagai sudut pandangan.

## Jenis-jenis Bentuk

### Bentuk konkrit

Bentuk konkrit ialah bentuk nyata yang bersifat tiga dimensi. Bentuk konkrit dapat dilihat, dirasa, dan disentuh daripada pelbagai sudut.



Bola takraw



Pasu tembikar

### Bentuk ilusi

Setiap imej pada permukaan dua dimensi (2D) berbentuk ilusi. Bentuk dapat ditimbulkan dengan menggunakan unsur seni dan prinsip rekaan yang akan menampakkan seolah-olah objek atau gambaran yang dilukis seperti keadaan sebenar.



Lukisan



Catan

### NOTA GURU

- 1.3.1 Guru menyatakan maksud bentuk.
- 1.3.2 Guru mengenalkan bentuk 2D dan bentuk 3D.



# Fungsi Bentuk

Alam flora  
dan fauna



Memberi manfaat  
kepada manusia

Objek buatan  
manusia



Dapat digunakan  
oleh manusia

**Fungsi  
Bentuk**



Mengindahkannya  
alam sekeliling



Menggambarkan  
objek sebenarnya

Bentuk  
ciptaan Tuhan

Karya  
seni visual



Apakah perbedaan  
antara bentuk konkret  
dan bentuk ilusi?



## Kotak Minuman

### Alat dan Bahan


- Kad manila
- Pensel
- Pemadam
- Pembaris
- Cat poster
- Berus lukisan
- Palet
- Air
- Gunting
- Gam



**1**  
Lakarkan lukisan bentangan reka bentuk kotak minuman dengan skala yang betul.



**2**  
Guntingkan garisan putus-putus pada lukisan bentangan.



**3**  
Lakarkan ilustrasi dengan menggunakan pensel.



**4**  
Warnakan lakaran dengan media cat poster.



**5**  
Lipat dan gamkan kad manila menjadi kotak.



### INGAT!

Jaga kebersihan dan keselamatan semasa menjalankan aktiviti ini.

### NOTA GURU

I.3.3 Guru membimbing murid menghasilkan bentuk 2D dan bentuk 3D.

## Hasil Karya Kotak Minuman



Pamerkan hasil karya kamu kepada rakan-rakan di hadapan kelas.

Minta pendapat rakan-rakan berkenaan hasil karya kamu itu.



## Rumusan

Bentuk tiga dimensi akan kelihatan berbeza-beza apabila dilihat dari sudut yang berlainan. Bentuk penting dalam penghasilan karya kerana melalui bentuk, imej sesuatu objek dapat ditonjolkan.



Apakah persamaan antara bentuk dan rupa?







### INFO

Lipatan-lipatan kertas yang disusun secara kreatif dapat mencipta bentuk konkrit.



## Latihan 1

Padankan rupa dengan bentuk yang betul dan warnakannya.



### NOTA GURU

- Guru perlu membuat salinan halaman ini sebelum menjalankan aktiviti.

## Latihan 2

Gunting dan tampal gambar **bentuk konkrit** dan **bentuk ilusi** daripada majalah atau surat khabar lama pada ruangan yang disediakan.

### Bentuk konkrit

### Bentuk ilusi

#### NOTA GURU

- Guru perlu memberi penerangan berkaitan bentuk konkrit dan bentuk ilusi.
- Guru perlu membuat salinan halaman ini sebelum menjalankan aktiviti.
- Guru meminta agar murid menyimpan hasil karya untuk didokumentasikan.

Jalinan ialah sifat permukaan sesuatu objek yang boleh dikesan secara penglihatan (tampak) atau sentuhan.

## Jenis-jenis Jalinan

### Jalinan sentuh

Jalinan sentuh ialah sifat di atas permukaan yang dapat dirasai melalui deria sentuh.



Cempedak



Tayar

### Jalinan tampak

Jalinan tampak ialah sifat yang hanya dapat dilihat tetapi tidak dapat dirasai secara sentuhan.



Tembikai



Corak batik

### INFO

Sifat jalinan:

Tajam



Kaktus

Lembut



Span

Kasar



Batu karang

Licin



Timun


### NOTA GURU

- 1.4.1 Guru menyatakan maksud jalinan.
- 1.4.2 Guru mengenalkan jalinan sentuh dan jalinan tampak.

## Fungsi Jalinan

### Penyamaran/Keselamatan

Jalinan pada badan serangga menyerupai daun.



Serangga

### Cengkaman

Corak pada tapak kasut memberi kesan cengkaman.



Tapak kasut

### Hiasan

Corak pada alat perhiasan dapat menarik perhatian.



Alat perhiasan

### Menampakkan pelbagai jenis ruang

Jalinan dalam karya seni catan menimbulkan ruang cetek, ruang dalam, atau ruang rata.



Catan



## Aplikasi Seni

### Pokok Jalinan 3D

#### Alat dan Bahan

- Pensel
- Pemadam
- Gam
- Kad gelugur
- Kertas lukisan
- Gunting
- Cat poster
- Palet
- Air
- Daun



**1** Warnakan permukaan daun dengan cat poster.



**2** Capkan permukaan daun pada kertas lukisan.



**3** Ulangi langkah 1 dan 2 dengan warna yang berbeza.



**4** Guntingkan hasil capan daun.

#### NOTA GURU

1.4.3 Guru membimbing murid menghasilkan jalinan sentuh dan jalinan tampak.






**5** Lakarkan rupa pokok pada dua keping kad gelugur.



**6** Guntingkan lakaran.



**7** Hasilkan dua bentuk pokok yang serupa.



**8** Cantumkan bahagian pokok.



**9** Gamkan daun pada pokok.

**INGAT!**  
Jaga kebersihan dan keselamatan semasa menjalankan aktiviti ini.

## Hasil Karya Pokok Jalinan 3D



Pamerkan hasil karya kamu kepada rakan-rakan di hadapan kelas.

Minta pendapat rakan-rakan berkenaan hasil karya kamu itu.



### Rumusan

Jalinan merupakan unsur seni yang terdapat pada alam semula jadi mahupun objek buatan manusia. Jalinan penting dalam penghasilan karya kerana melalui jalinan, sifat sesuatu objek dapat ditonjolkan. Melalui jalinan juga, karya seni visual akan lebih menarik.



Apakah jenis dan sifat jalinan yang terdapat pada kulit durian?



### ASAS KEUSAHAWANAN

Gunakan kreativiti kamu untuk mengubah barangan kitar semula menjadi produk rekaan yang unik dan dapat memberi keuntungan.



## Latihan 1

Tuliskan sama ada **jalinan sentuh** atau **jalinan tampak** pada ruangan yang disediakan bagi gambar-gambar di bawah.

1.



2.



3.



4.



### NOTA GURU

- Guru perlu membuat salinan halaman ini sebelum menjalankan aktiviti.

## Latihan 2

Tuliskan fungsi jalinan yang betul pada ruang kosong di bawah.

Perlindungan

Cengkaman

Penyamaran

Hiasan



Jalinan berduri pada kulit nanas berfungsi melindungi isinya.

1



Jalinan berbunga pada tayar kereta berfungsi sebagai cengkaman.

2

3

Jalinan yang unik pada badan katak menyelamatkannya daripada musuh.



4

Jalinan yang menarik pada corak tengkolok memberi nilai estetik.



### NOTA GURU



- Guru perlu membuat salinan halaman ini sebelum menjalankan aktiviti.

UNIT  
**5**

# WARNA

Warna ialah tindak balas cahaya ke atas sesuatu permukaan. Sesuatu objek lebih dikenal pasti melalui warna yang ada padanya seperti merah, biru, kuning, hijau, ungu, jingga, dan lain-lain.

## Roda Warna



Apakah warna yang terdapat pada lampu isyarat?

## Jenis-jenis Warna

### Warna asas

Warna asas ialah pigmen warna yang terdiri daripada biru, merah, dan kuning. Warna-warna ini adalah asli dan tidak boleh dihasilkan melalui campuran warna lain.



Biru      Merah      Kuning

### NOTA GURU

- 1.5.1 Guru menyatakan maksud warna.
- 1.5.2 Guru mengenalkan jenis-jenis warna asas dan warna sekunder.

### Warna sekunder

Warna sekunder dihasilkan melalui campuran dua warna asas.



Biru + Kuning = Hijau



Merah + Kuning = Jingga



Merah + Biru = Ungu

### Warna tertier

Warna tertier ialah hasil campuran satu warna asas dan satu warna sekunder.



Biru + Ungu = Biru ungu



Merah + Ungu = Merah ungu



Merah + Jingga = Merah jingga



Kuning + Jingga = Kuning jingga



Kuning + Hijau = Kuning hijau



Biru + Hijau = Biru hijau

## Fungsi Warna



Menimbulkan rupa



Menimbulkan bentuk



Menimbulkan jalinan



Menimbulkan ruang



## Sesumpah Berwarna

### Alat dan Bahan

- Pensel
- Pemadam
- Pinggan kertas
- Cat poster
- Berus lukisan
- Palet
- Air
- *NT cutter*
- Paku tekan



Lakarkan rupa sesumpah dan potongkan lakaran rupa dengan *NT cutter*.



Warnakan pinggan kertas lain dengan cat poster.



Biarkan warna kering.



Cantumkan pinggan kertas dengan paku tekan dan pemadam.



Bahagian hadapan karya. (Pinggan hadapan boleh dipusing untuk melihat perubahan warna)



Bahagian belakang karya.



### INGAT!

Jaga kebersihan dan keselamatan semasa menjalankan aktiviti ini.

### NOTA GURU

1.5.3 Guru membimbing murid menghasilkan gabungan warna asas dan warna sekunder.

## Hasil Karya Sesumpah Berwarna



Pamerkan hasil karya kamu kepada rakan-rakan di hadapan kelas.

Minta pendapat rakan-rakan berkenaan hasil karya kamu itu.



### Rumusan

Warna merupakan anugerah Tuhan. Tanpa warna, kehidupan manusia akan menjadi bosan dan tidak menarik. Warna memainkan peranan penting dalam penghasilan karya. Penggunaan warna yang tepat akan menjadikan karya tampak lebih menarik dan segar.



### INFO


- Warna panas, iaitu merah, jingga, dan kuning membuat sesuatu objek kelihatan lebih besar, lebih dekat, dan memberikan rasa kehangatan.
- Warna sejuk, iaitu biru, hijau, dan ungu mempunyai sifat tenggelam sehingga tampak lebih kecil, jauh, dan memberi kesan tenteram.
- Warna neutral, iaitu kelabu, putih, dan hitam ialah warna yang tidak dipengaruhi oleh warna panas atau sejuk.




## Latihan 1

Jawab semua soalan di bawah.

1. Warnakan bulatan kosong dengan **warna asas** dan namakannya.



2. Warnakan bulatan kosong dengan **warna sekunder** dan namakannya.




### NOTA GURU

- Guru perlu membuat salinan halaman ini sebelum menjalankan aktiviti.
- Guru meminta agar murid menyimpan hasil karya untuk didokumentasikan.

## Latihan 2

Warnakan gambar dengan **warna asas** dan **warna sekunder** mengikut kreativiti anda.



### NOTA GURU

- Guru perlu membuat salinan halaman ini sebelum menjalankan aktiviti.
- Guru meminta agar murid menyimpan hasil karya untuk didokumentasikan.

UNIT  
**6**

# RUANG

Ruang ialah jarak antara objek yang wujud dalam alam nyata dan juga dalam karya seni visual. Objek yang berada di hadapan lebih jelas dan besar jika dibandingkan dengan objek yang sama saiz yang berada di bahagian belakang.

## Jenis-jenis Ruang

**Ruang nyata**  
Ruang nyata ialah ruang yang terdapat di persekitaran.



Ruang terbuka



Ruang tertutup

**Ruang tampak**  
Ruang tampak ialah ruang yang terdapat dalam karya seni visual seperti catan, lukisan, dan rekaan grafik.



Ruang dalam



Ruang cetek



Ruang rata

**NOTA GURU**

- 1.6.1 Guru menyatakan maksud ruang.
- 1.6.2 Guru mengenalkan jenis-jenis ruang nyata dan ruang tampak.

## Fungsi Ruang

Ruang penting dalam penghasilan semua bentuk tiga dimensi.



Dalam seni arca, penggunaan ruang yang betul dapat mencipta arca yang menarik dan seimbang.

Garisan yang berlainan saiz, kedudukan, dan fungsi dapat mewujudkan kepelbagaian ruang.



Kedudukan garisan dapat membezakan adanya ruang di tengah-tengah garisan tersebut.

Warna dapat menimbulkan ruang dalam karya seni.




Contohnya pada suatu latar yang cerah, warna gelap dapat menimbulkan ruang yang dekat.




### Khemah Kertas

#### Alat dan Bahan


- Pensel
- Pemadam
- Kertas lukisan
- Pensel warna
- Gunting
- Gam
- Lidi sate
- Pita selofan
- Gelang getah



**1** Lakarkan rupa bentangan khemah pada kertas lukisan.



**2** Guntingkan lakaran dan tandakan bahagian cantuman.



**3** Lakarkan rupa motif.



**4** Warnakan lakaran dengan pensel warna.

#### NOTA GURU


1.6.3 Guru membimbing murid menghasilkan ruang nyata dan ruang tampak.



**5** Guntingkan bahagian pintu khemah.



**6** Gamkan kertas lukisan.



**7** Lekatkan lidi pada bahagian dalam kertas lukisan dengan pita selofan.



**8** Ikatkan gelang getah pada lidi.



**INGAT!**

Jaga kebersihan dan keselamatan semasa menjalankan aktiviti ini.



Apakah warna yang sesuai digunakan supaya ruang sempit lebih luas dan selesa?

## Hasil Karya Khemah Kertas



Pamerkan hasil karya kamu kepada rakan-rakan di hadapan kelas.

Minta pendapat rakan-rakan berkenaan hasil karya kamu itu.



### Rumusan

Ruang merupakan unsur seni yang wujud tanpa kita sedari. Ruang wujud apabila adanya jarak antara sesuatu objek. Penggunaan ruang sangat penting dalam penghasilan karya. Susunan jauh dan dekat sesuatu imej di dalam karya akan menimbulkan ruang.



### INFO

#### Ruang dalam

Gabungan kesan penggunaan perspektif warna, perubahan saiz, dan bentuk dalam hasil karya seni seperti lukisan dan catan.

#### Ruang cetek

Ruang di dalam lingkungan yang sama dan kedalamannya terbatas.

#### Ruang rata

Ruang rata terhasil dalam karya yang mempunyai unsur gambaran pada satah yang sama.

## Latihan 1

Tandakan **A** bagi **ruang terbuka** dan **B** bagi **ruang tertutup**.

**A**



### NOTA GURU

- Guru perlu membuat salinan halaman ini sebelum menjalankan aktiviti.



## Latihan 2

Isi tempat kosong di bawah dengan jenis ruang yang betul.

Ruang terbuka

Ruang tertutup

Ruang dalam

Ruang cetek

Ruang rata



Ruang nyata



Ruang nyata



Ruang tampak



Ruang tampak



Ruang tampak

### NOTA GURU

- Guru perlu membuat salinan halaman ini sebelum menjalankan aktiviti.



# MODUL 2

## BAHASA SENI VISUAL (PRINSIP REKAAN)

Prinsip rekaan terbahagi kepada tujuh, iaitu:  
**Harmoni, Kontra, Penegasan, Kepelbagaian, Imbangan, Kesatuan, dan Irama dan Pergerakan.**

### 2.1: HARMONI

#### Murid berupaya:

- 2.1.1 Menyatakan maksud harmoni.
- 2.1.2 Mengenali ciri-ciri harmoni di:
  - (i) Alam sekeliling
  - (ii) Buatan manusia
  - (iii) Corak tradisional
- 2.1.3 Menghasilkan corak kombinasi warna yang harmoni.

### 2.2: KONTRA

#### Murid berupaya:

- 2.2.1 Menyatakan maksud kontra.
- 2.2.2 Mengenali ciri-ciri kontra:
  - (i) Alam sekeliling
  - (ii) Buatan manusia
  - (iii) Karya seni halus
- 2.2.3 Menghasilkan corak bebas yang menimbulkan kontra dengan menggunakan kombinasi unsur-unsur seni.

### 2.3: PENEGASAN

#### Murid berupaya:

- 2.3.1 Menyatakan maksud penegasan.
- 2.3.2 Menerangkan ciri-ciri penegasan.
- 2.3.3 Menghasilkan poster yang menggunakan prinsip penegasan.

### 2.4: KEPELBAGAIAN

#### Murid berupaya:

- 2.4.1 Menyatakan maksud kepelbagaian.
- 2.4.2 Menerangkan ciri-ciri kepelbagaian.
- 2.4.3 Menghasilkan kulit buku yang menggunakan prinsip kepelbagaian.

### 2.5: IMBANGAN

#### Murid berupaya:

- 2.5.1 Menyatakan maksud imbangan.
- 2.5.2 Mengenali jenis-jenis imbangan:
  - (i) Simetri
  - (ii) Tidak simetri
- 2.5.3 Menghasilkan satu catan hiasan dengan menggunakan objek-objek yang berimbangan simetri.

### 2.6: KESATUAN

#### Murid berupaya:

- 2.6.1 Menyatakan maksud kesatuan.
- 2.6.2 Menerangkan ciri-ciri kesatuan.
- 2.6.3 Menghasilkan kesatuan gabungan corak.

### 2.7: IRAMA DAN PERGERAKAN

#### Murid berupaya:

- 2.7.1 Menyatakan maksud irama dan pergerakan.
- 2.7.2 Menerangkan ciri-ciri irama dan pergerakan.
- 2.7.3 Menghasilkan catan dengan susunan rupa tertentu untuk menghasilkan pergerakan.

**KONTRA**



**HARMONI**



**PENEGASAN**



**KEPELBAGAIAN**



**IMBANGAN**



**IRAMA DAN PERGERAKAN**



**KESATUAN**



Harmoni ialah satu gubahan unsur seni yang melibatkan susunan atau ulangan yang menarik. Harmoni boleh dilihat dari segi garisan, rupa, bentuk, jalinan, warna, dan ruang.

### Ciri-ciri Harmoni

#### Alam semula jadi



Harmoni dari segi bentuk dan warna.



Harmoni dari segi bentuk dan jalinan.

#### Buatan manusia




Harmoni dari segi bentuk.



Harmoni dari segi garisan, jalinan, dan warna.

#### Corak tradisional



Harmoni dari segi garisan, rupa, jalinan, dan warna.



Harmoni dari segi garisan dan rupa.

#### NOTA GURU


- 2.1.1 Guru menyatakan maksud harmoni.
- 2.1.2 Guru mengenalkan ciri-ciri harmoni pada alam sekeliling, objek buatan manusia, dan corak tradisional.




### Khemah Sarkas

#### Alat dan Bahan

- Pensel
- Pemadam
- Kertas lukisan
- Pensel warna
- Pencungkil gigi
- Kertas warna
- Gunting
- Gam



**1** Lakarkan bentangan khemah pada kertas lukisan.



**2** Warnakan rupa khemah secara berselang-seli dengan warna yang harmoni.




**3** Guntingkan lakaran.




**4** Gamkan bahagian badan dan atap khemah.

#### NOTA GURU

2.1.3 Guru membimbing murid menghasilkan corak kombinasi warna yang harmoni.



5 Guntingkan kertas warna.



6 Gamkannya pada pencungkil gigi.



7 Cucukkan pencungkil gigi pada hujung atap khemah dan gamkannya.



8 Letakkan atap khemah pada bahagian badannya.



9 Khemah yang telah siap.

**INGAT!**  
 Jaga kebersihan dan keselamatan semasa menjalankan aktiviti ini.



Bagaimanakah susunan perabot hiasan dalaman boleh menimbulkan suasana harmoni?

## Hasil Karya Khemah Sarkas



Pamerkan hasil karya kamu kepada rakan-rakan di hadapan kelas.

Minta pendapat rakan-rakan berkenaan hasil karya kamu itu.



### Rumusan

Harmoni dapat memberikan kesan kesatuan dan keseragaman. Harmoni dari segi warna akan dapat memberikan ketenangan serta kedamaian kepada audiens. Prinsip harmoni ini sesuai diaplikasikan dalam penghasilan karya bagi memperlihatkan kesatuan dalam penghasilannya.




### ASAS KEUSAHAWANAN

Penghasilan karya khemah sarkas bukan sahaja untuk perhiasan semata-mata, malah boleh dijadikan sebagai bekas penyimpanan barang-barang yang kecil seperti *keychain* dan sebagainya.



## Latihan 1

Lengkapkan lukisan di bawah dengan menggunakan warna harmoni.







### NOTA GURU

- Guru perlu membuat salinan halaman ini sebelum menjalankan aktiviti.
- Guru meminta agar murid menyimpan hasil karya untuk didokumentasikan.



## Latihan 2

Tandakan (✓) pada gambar yang menunjukkan contoh harmoni pada alam semula jadi.



### NOTA GURU

- Guru perlu membuat salinan halaman ini sebelum menjalankan aktiviti.

Kontra ialah gubahan yang bertentangan dengan unsur seni yang terdapat di sekelilingnya. Kontra wujud apabila terdapat perbezaan dari segi saiz, warna, bentuk, jalinan, jarak, ruang, dan kedudukan dalam sesuatu gubahan.

### Ciri-ciri Kontra

#### Alam semula jadi



Kontra dari segi bentuk dan warna.



Kontra dari segi garisan dan arah.

#### Objek buatan manusia



Kontra dari segi saiz.



Kontra dari segi warna.

#### Karya seni halus



Kontra dari segi saiz dan bentuk.



Kontra dari segi warna.



Bagaimanakah prinsip kontra boleh diaplikasikan dalam sesebuah karya seperti catan?

#### NOTA GURU

- 2.2.1 Guru menyatakan maksud kontra.
- 2.2.2 Guru mengenalkan ciri-ciri kontra pada alam sekeliling, objek buatan manusia, dan karya seni halus.



### Kaktus Kotak

#### Alat dan Bahan

- Kotak
- Pensel
- Pemadam
- Cat poster
- Palet
- Air
- Berus lukisan
- Gunting



**1** Lakarkan rupa kaktus pada kotak.



**2** Guntingkan lakaran.



**3** Warnakan bentuk kaktus dengan cat poster.



**4** Cantumkan kepingan-kepingan bentuk kaktus.



#### INGAT!

Jaga kebersihan dan keselamatan semasa menjalankan aktiviti ini.

#### NOTA GURU

- 2.2.3 Guru membimbing murid menghasilkan corak bebas yang menimbulkan kontra dengan menggunakan kombinasi unsur-unsur seni.
- Guru perlu menunjukkan contoh pokok kaktus yang sebenar.

## Hasil Karya Kaktus Kotak



### Rumusan

Kontra wujud apabila terdapat unsur atau elemen yang bertentangan dalam sesuatu gubahan. Kontra dapat menimbulkan kesan yang menarik serta memberikan fokus dalam penghasilan karya. Prinsip kontra amat sesuai digunakan dalam penghasilan poster, iklan, dan juga karya catan kerana prinsip ini dapat mencuri perhatian serta mengelakkan kebosanan.

Pamerkan hasil karya kamu kepada rakan-rakan di hadapan kelas.

Minta pendapat rakan-rakan berkenaan hasil karya kamu itu.



### INFO

Kontra terjadi apabila wujud perbezaan sesuatu objek dengan persekitarannya. Contohnya sebiji buah durian di dalam sebakul buah oren.



Selain penggunaan unsur seni rupa dan bentuk, apakah unsur seni lain yang boleh digunakan untuk menghasilkan kontra?

## Latihan 1

Warnakan ilustrasi di bawah dengan mengaplikasikan prinsip kontra dari segi warna.




### NOTA GURU

- Guru perlu membuat salinan halaman ini sebelum menjalankan aktiviti.
- Guru meminta agar murid menyimpan hasil karya untuk didokumentasikan.

## Latihan 2

Warnakan ruang 1 dengan **warna panas** dan ruang 2 dengan **warna sejuk**.




### NOTA GURU


- Guru perlu memberi penerangan mengenai warna panas dan warna sejuk.
- Guru perlu membuat salinan halaman ini sebelum menjalankan aktiviti.
- Guru meminta agar murid menyimpan hasil karya untuk didokumentasikan.

Penegasan bermaksud satu titik tumpuan (fokus) unsur seni atau imej yang kelihatan lebih ketara jika dibandingkan dengan imej yang lain.


## Ciri-ciri Penegasan




Penegasan dari segi garisan




Penegasan dari segi rupa




Penegasan dari segi bentuk



Penegasan dari segi jalinan



Penegasan dari segi warna



Penegasan dari segi ruang

### NOTA GURU

- 2.3.1 Guru menyatakan maksud penegasan.
- 2.3.2 Guru menerangkan ciri-ciri penegasan.



## Poster

### Alat dan Bahan

- Pensel
- Pemadam
- Kertas lukisan
- Berus lukisan
- Cat poster
- Palet
- Air
- Gunting
- Gam
- Majalah lama



**1** Buat lakaran pada kertas lukisan.



**2** Pilih muka taip dan gambar yang sesuai.



**3** Guntingkan muka taip dan gambar.



**4** Warnakan lakaran.



**5** Gamkan muka taip dan gambar.



**6** Kemasan karya.



### INGAT!

Jaga kebersihan dan keselamatan semasa menjalankan aktiviti ini.

### NOTA GURU

2.3.3 Guru membimbing murid menghasilkan poster yang menggunakan prinsip penegasan.



## Hasil Karya Poster



Pamerkan hasil karya kamu kepada rakan-rakan di hadapan kelas.

Minta pendapat rakan-rakan berkenaan hasil karya kamu itu.



### Rumusan

Penegasan merupakan satu titik tumpuan (fokus) terhadap sesuatu unsur seni mahupun imej yang dihasilkan. Melalui penegasan, karya seni akan menjadi lebih menarik kerana tumpuan mata kita akan memberi fokus terhadap sesuatu imej yang dibuat secara bertentangan sama ada dari segi saiz, warna, rupa, ataupun bentuk.

#### INFO

Ciri-ciri poster yang menarik:  
(a) muka taip      (b) ilustrasi  
(c) warna          (d) mesej



Apakah unsur seni yang paling sesuai digunakan untuk mewujudkan penegasan dalam aktiviti mencorak?

#### NOTA GURU

- Guru meminta agar murid menyimpan hasil karya untuk didokumentasikan.

## Latihan 1

Lengkapkan poster di bawah dengan menampalkan gambar daripada pelbagai media bercetak yang menunjukkan prinsip penegasan.


# MEMBACA BUDAYA ILMU

### NOTA GURU

- Guru perlu membuat salinan halaman ini sebelum menjalankan aktiviti.
- Guru meminta agar murid menyimpan hasil karya untuk didokumentasikan.

## Latihan 2

Lukiskan atau tampilkan gambar penegasan yang bersesuaian dalam ruangan yang diberikan.



### NOTA GURU

- Guru perlu menyediakan gambar penegasan yang bersesuaian.
- Guru perlu membuat salinan halaman ini sebelum menjalankan aktiviti.

Kepelbagaian ialah penggunaan pelbagai unsur seni, prinsip rekaan, idea, dan persembahan yang bertujuan untuk menarik perhatian dalam karya seni.

## Ciri-ciri Kepelbagaian



Kepelbagaian jenis jalinan dan warna.



Kepelbagaian jenis bentuk, saiz, dan corak.



Kepelbagaian jenis rupa organik dan rupa geometrik.

### NOTA GURU

- 2.4.1 Guru menyatakan maksud kepelbagaian.
- 2.4.2 Guru menerangkan ciri-ciri kepelbagaian.




## Ilustrasi Kulit Buku

### Alat dan Bahan


- Pensel
- Pemadam
- Kertas lukisan
- Berus lukisan
- Cat poster
- Palet
- Air



**1** Lakarkan idea dan muka taip berdasarkan tema.



**2** Warnakan lakaran.



**3** Kemasan karya.



### INGAT!

Jaga kebersihan dan keselamatan semasa menjalankan aktiviti ini.




Bagaimanakah prinsip kepelbagaian dapat ditonjolkan dalam sesebuah karya?

### NOTA GURU

- 2.4.3 Guru membimbing murid menghasilkan kulit buku yang menggunakan prinsip kepelbagaian.
- Guru perlu menunjukkan contoh kulit buku.

## Hasil Karya Ilustrasi Kulit Buku



Pamerkan hasil karya kamu kepada rakan-rakan di hadapan kelas.

Minta pendapat rakan-rakan berkenaan hasil karya kamu itu.



### Rumusan

Kepelbagaian merujuk kepada penggunaan unsur seni dan idea yang pelbagai dalam penghasilan sesebuah karya. Penggunaan pelbagai jenis garisan misalnya, dapat mewujudkan prinsip kepelbagaian. Prinsip kepelbagaian akan mewujudkan kesan yang menarik dalam sesebuah karya.



### INFO

Kepelbagaian jenis rupa motif, jalinan, warna, dan corak dalam penghasilan kraf tangan dapat menimbulkan nilai estetik yang tinggi.



Apakah kepelbagaian unsur seni yang terdapat pada *kolam* dalam gambar?



### NOTA GURU

- Guru meminta agar murid menyimpan hasil karya untuk didokumentasikan.
- Guru menerangkan maksud *kolam*.

## Latihan 1

Lengkapkan ruang **A** dengan prinsip kepelbagaian garisan seperti contoh yang diberi.

Contoh:



**A**



### NOTA GURU

- Guru perlu membuat salinan halaman ini sebelum menjalankan aktiviti.
- Guru meminta agar murid menyimpan hasil karya untuk didokumentasikan.

## Latihan 2

Isi tempat kosong di bawah berpandukan jawapan yang disediakan.

Kepelbagaian jenis garisan

Kepelbagaian jenis rupa

Kepelbagaian jenis jalinan

Kepelbagaian jenis warna



### NOTA GURU



- Guru perlu membuat salinan halaman ini sebelum menjalankan aktiviti.



Imbangan bermaksud suatu keadaan yang seimbang serta sepadan. Dalam hasil tiga dimensi (3D), imbangan diolah berasaskan kepada keberatan secara fizikal. Sementara dalam karya dua dimensi (2D) pula, imbangan diolah berasaskan keberatan secara visual.


## Jenis-jenis Imbangan

### Imbangan simetri



Imbangan simetri wujud apabila bahagian di sebelah kiri dan di sebelah kanan sama.

### Imbangan tidak simetri



Imbangan tidak simetri wujud apabila bahagian di sebelah kiri dan di sebelah kanan atau atas dan bawah sesuatu hasil seni itu tidak mempunyai kesamaan nilai atau kelihatan tidak serupa.

#### NOTA GURU

2.5.1 Guru menyatakan maksud imbangan.


2.5.2 Guru mengenalkan jenis-jenis imbangan simetri dan imbangan tidak simetri.



### Catan Wau

#### Alat dan Bahan

- Pensel
- Pemadam
- Kertas lukisan
- Berus lukisan
- Cat poster
- Palet
- Air



**1** Lakarkan rupa wau pada kertas lukisan.



**2** Lakarkan corak yang simetri pada rupa wau.



#### INFO

Wau ialah sejenis permainan tradisi. Wau bulan dari Kelantan ialah wau yang paling popular. Terdapat pelbagai jenis dan bentuk wau yang lain seperti wau helang, wau kucing, wau jala budi, wau merak, wau puyuh, wau pari, dan sebagainya.

#### NOTA GURU

2.5.3 Guru membimbing murid menghasilkan satu catan hiasan dengan menggunakan objek-objek yang berimbangan simetri.



**3** Warnakan keseluruhan latar belakang.



**4** Warnakan corak wau.



**5** Warnakan keseluruhan wau.




**6** Kemasan karya.



**INGAT!**

Jaga kebersihan dan keselamatan semasa menjalankan aktiviti ini.



**INFO**

Imbangan dalam sesebuah karya ditentukan melalui garisan axis. Garisan axis ialah garisan yang dilukis di tengah-tengah sesebuah karya bagi membezakan bahagian kiri dan kanan.



Garisan axis

## Hasil Karya Catan Wau



Pamerkan hasil karya kamu kepada rakan-rakan di hadapan kelas.

Minta pendapat rakan-rakan berkenaan hasil karya kamu itu.



### Rumusan

Imbangan wujud pada alam semula jadi, objek buatan manusia dan juga pada karya seni. Imbangan simetri memberikan kesan sepadan dan kesamaan antara dua bahagian. Imbangan tidak simetri akan menjadikan sesuatu gubahan lebih menarik dan tidak membosankan.




Mengapakah imbangan simetri digunakan dalam penghasilan wau?



### ASAS KEUSAHAWANAN

Hasil karya catan wau tersebut boleh dibingkaikan untuk dijual.




### NOTA GURU

- Guru meminta agar murid menyimpan hasil karya untuk didokumentasikan.

## Latihan 1

Lengkapkan gambar di bawah dengan melukis rupa corak pada rama-rama untuk menimbulkan kesan simetri.





### NOTA GURU

- Guru perlu membuat salinan halaman ini sebelum menjalankan aktiviti.
- Guru meminta agar murid menyimpan hasil karya untuk didokumentasikan.

## Latihan 2

Lukiskan garisan putus-putus pada setiap objek untuk menampakkan imbangan simetri.

Contoh:



### NOTA GURU


- Guru perlu membuat salinan halaman ini sebelum menjalankan aktiviti.

UNIT  
**6**


# KESATUAN

Kesatuan merujuk kepada satu susunan yang mempunyai tema dan idea yang sama. Kesatuan juga merujuk kepada gubahan yang mempunyai hubung kait antara unsur seni dan prinsip rekaan untuk menonjolkan nilai estetik.

## Ciri-ciri Kesatuan



Kesatuan dari segi garisan



Kesatuan dari segi rupa



Kesatuan dari segi bentuk

### NOTA GURU

- 2.6.1 Guru menyatakan maksud kesatuan.
- 2.6.2 Guru menerangkan ciri-ciri kesatuan.



### Topeng Singa

#### Alat dan Bahan

- Pensel
- Pemadam
- Kertas lukisan
- Berus lukisan
- Cat poster
- Palet
- Air
- Gunting
- Penebuk lubang
- Gelang getah



**1** Sediakan alat dan bahan.



**2** Lakarkan rupa singa pada kertas lukisan.



**3** Warnakan lakaran dengan cat poster.



**4** Guntingkan lakaran.



**5** Tebukkan bahagian kiri dan kanan topeng.



**6** Ikatkan gelang getah pada bahagian lubang.



#### INGAT!

Jaga kebersihan dan keselamatan semasa menjalankan aktiviti ini.



## Hasil Karya Topeng Singa



Pamerkan hasil karya kamu kepada rakan-rakan di hadapan kelas.

Minta pendapat rakan-rakan berkenaan hasil karya kamu itu.



### Rumusan

Kesatuan merupakan sebuah persembahan atau gubahan yang baik dan saling mempunyai hubung kait antara unsur seni reka dan prinsip rekaan. Kesatuan boleh diumpamakan sebagai menggabungkan semua elemen seni visual dalam satu gubahan untuk mendapatkan hasil karya yang menarik serta mempunyai nilai estetik.



Nyatakan bahan atau media lain yang dapat digunakan untuk menghasilkan topeng haiwan.



### ASAS KEUSAHAWANAN

Hasilkan pelbagai watak atau karakter topeng untuk dijual kepada kanak-kanak.




### NOTA GURU

- Guru meminta agar murid menyimpan hasil karya untuk didokumentasikan.

## Latihan 1

Guntingkan gambar hidupan laut daripada majalah atau surat khabar lama dan tampalkannya pada gambar di bawah supaya dapat mewujudkan prinsip kesatuan.




### NOTA GURU

- Guru perlu membuat salinan halaman ini sebelum menjalankan aktiviti.
- Guru meminta agar murid menyimpan hasil karya untuk didokumentasikan.

## Latihan 2

Warnakan gambar di bawah dengan menerapkan prinsip kesatuan secara kreatif menggunakan pelbagai media dan teknik.




### NOTA GURU

- Guru perlu membuat salinan halaman ini sebelum menjalankan aktiviti.
- Guru meminta agar murid menyimpan hasil karya untuk didokumentasikan.

# IRAMA DAN PERGERAKAN

- Irama akan menunjukkan pergerakan apabila sesuatu unsur berulang. Irama visual ialah irama yang boleh dilihat.

## Ciri-ciri Irama dan Pergerakan



### NOTA GURU

- 2.7.1 Guru menyatakan maksud irama dan pergerakan.
- 2.7.2 Guru menerangkan ciri-ciri irama dan pergerakan.




## Aplikasi Seni

### Cetakan Ikan

#### Alat dan Bahan

- Pensel
- Pemadam
- Kertas lukisan
- Kertas warna
- Berus lukisan
- Cat poster
- Palet
- Air
- Gunting
- Span




**1** Lakarkan rupa ikan dengan beberapa saiz yang berbeza.



**2** Guntingkan lakaran untuk membentuk stensil.



**3** Ulangi langkah 1 dan 2.



**4** Stensil yang dihasilkan.

#### NOTA GURU


2.7.3 Guru membimbing murid menghasilkan catan dengan susunan rupa tertentu untuk menghasilkan pergerakan.




**5** Warnakan keseluruhan kertas lukisan dengan cat poster.



**6** Letakkan stensil di atas kertas lukisan. Warnakannya dengan cat poster.



**7** Ulangi langkah 6 dengan stensil yang berlainan saiz.




**8** Kemasan karya.

**INGAT!**  
 Jaga kebersihan dan keselamatan semasa menjalankan aktiviti ini.

Pada pendapat kamu, apakah faktor yang menyebabkan sesuatu pergerakan itu berlaku?

## Hasil Karya Cetakan Ikan



Pamerkan hasil karya kamu kepada rakan-rakan di hadapan kelas.

Minta pendapat rakan-rakan berkenaan hasil karya kamu itu.




### Rumusan

Irama dan pergerakan merupakan prinsip rekaan yang penting dalam penghasilan karya. Prinsip ini dapat menimbulkan kesan yang lebih dramatik dan menarik dalam sesebuah karya. Melalui prinsip ini, sesebuah karya akan kelihatan lebih hidup dan tidak kaku. Pengulangan unsur seni dengan gaya yang tertentu dapat memberikan kesan irama dan pergerakan.



#### INFO

Prinsip irama dan pergerakan dalam karya seni dapat diwujudkan melalui olahan unsur seni.



Olahan unsur rupa




Bagaimanakah prinsip irama dan pergerakan dapat diaplikasikan dalam seni taman?

### NOTA GURU

- Guru meminta agar murid menyimpan hasil karya untuk didokumentasikan.

## Latihan 1

Padankan petak kosong di bawah dengan jawapan yang betul.



A.



B.



C.



### NOTA GURU

- Guru perlu membuat salinan halaman ini sebelum menjalankan aktiviti.



## Latihan 2

Labelkan gambar dengan jawapan yang betul.

Memancar

Berlingkar

Mengalir

Bergulung

Berpusing

Ciri-ciri Irama dan Pergerakan

### NOTA GURU

- Guru perlu membuat salinan halaman ini sebelum menjalankan aktiviti.



# MODUL 3

## SENI HALUS

Seni halus terbahagi kepada empat, iaitu:  
**Lukisan, Catan, Arca, dan Cetakan.**



### 3.1: LUKISAN

#### **Murid berupaya:**

- 3.1.1 Menyatakan maksud lukisan.
- 3.1.2 Menyenaraikan alat, bahan, proses, dan teknik dalam aktiviti melukis.
- 3.1.3 Menghasilkan semula lakaran idea asas lukisan berpandukan garisan grid dan contoh lukisan yang diberikan.
- 3.1.4 Menghasilkan lukisan.

### 4.2: CATAN

#### **Murid berupaya:**

- 4.1.1 Menyatakan maksud catan.
- 4.1.2 Menyenaraikan alat, bahan, proses, dan teknik dalam aktiviti mencatan.
- 4.1.3 Menghasilkan semula lakaran idea asas catan berpandukan garisan grid dan contoh lukisan yang diberikan dan mewarna menggunakan warna poster.


### 5.1: ARCA

#### **Murid berupaya:**

- 5.1.1 Menyatakan maksud arca.
- 5.1.2 Menyenaraikan alat, bahan, proses, dan teknik dalam aktiviti arca.
- 5.1.3 Menghasilkan lakaran bentuk arca olahan.

### 6.1: CETAKAN

#### **Murid berupaya:**

- 6.1.1 Mendefinisikan cetakan.
  - 6.1.2 Menyatakan jenis cetakan.
  - 6.1.3 Menyenaraikan alat, bahan, proses, dan teknik dalam aktiviti membuat cetakan.
  - 6.1.4 Membuat cetakan timbulan berbentuk rupa dengan menggunakan kaedah cetakan sayuran.
  - 6.1.5 Mengaplikasikan unsur seni dan prinsip rekaan dalam penghasilan karya.
  - 6.1.6 Mempamerkan hasil karya.
- 



**LUKISAN**



**CATAN**



**CETAKAN**



**ARCA**



Lukisan ialah hasil karya seni visual yang menggambarkan objek dengan garisan. Lukisan ialah hasil karya seni visual berbentuk dua dimensi (2D) dengan menggunakan media kering seperti pensel, pensel warna, arang, pen, *oil pastel*, krayon, dan sebagainya.

## Media Lukisan



Pensel



Pensel warna



Arang



Pen



*Oil pastel*



Krayon

## Proses Melukis

- 1 Pilih objek yang hendak dilukis.
- 2 Tentukan sudut pandangan, perspektif, ton, bentuk, dan ruang serta bayangan.
- 3 Bahagikan ruang kepada ruang latar belakang, ruang tengah, objek, dan ruang hadapan.
- 4 Buat lakaran kasar dengan melukis garisan luar objek tersebut.
- 5 Gunakan teknik yang sesuai untuk menunjukkan kesan cahaya, bentuk, dan ruang serta bayangan.

### NOTA GURU

- 3.1.1 Guru menyatakan maksud lukisan.
- 3.1.2 Guru menyenaraikan alat, bahan, proses, dan teknik dalam aktiviti melukis.


## Teknik Melukis



Teknik campuran




Teknik garisan



Teknik titik



Teknik lorekan



Teknik gosokan




## Lukisan Epal


### Alat dan Bahan



Pemadam



Pensel pelbagai gred



### INFO

Terdapat pelbagai jenis pen yang boleh digunakan untuk menghasilkan lukisan seperti pen kaligrafi, pen teknikal, pen penanda, dan sebagainya. Setiap pen akan memberi kesan lorekan yang berbeza.

### Langkah-langkah melukis:

1. Pilih gambar atau objek yang sesuai dan menarik.
2. Lakarkan garisan objek.
3. Lukis lakaran kasar objek.
4. Gunakan teknik yang sesuai untuk menunjukkan kesan cahaya, bentuk, dan ruang serta bayangan.
5. Buat perincian pada objek untuk membentuk jalinan dan ton yang lebih berkesan.

### NOTA GURU

- 3.1.3 Guru membimbing murid menghasilkan semula lakaran idea asas lukisan berpandukan garisan grid dan contoh lukisan yang diberikan.

**Arahan:**

Hasilkan semula lukisan berpandukan contoh yang diberikan.

1	2	3	4	5
2				
3				
4				
5				



**INGAT!**  
Jaga kebersihan dan keselamatan semasa menjalankan aktiviti ini.




Pada pendapat kamu, apakah media yang sesuai digunakan untuk menghasilkan lukisan teknik titik? Jelaskan.

**NOTA GURU**

- 3.1.4 Guru membimbing murid menghasilkan lukisan.
- Guru perlu membuat salinan halaman ini sebelum menjalankan aktiviti.
  - Guru meminta agar murid menyimpan hasil karya untuk didokumentasikan.

## Hasil Karya Lukisan Epal



Pamerkan hasil karya kamu kepada rakan-rakan di hadapan kelas.

Minta pendapat rakan-rakan berkenaan hasil karya kamu itu.



## Rumusan

Lukisan merupakan aktiviti membuat lakaran dengan menggunakan pelbagai jenis media. Lukisan boleh dihasilkan sama ada dengan cara berwarna atau tidak berwarna. Penghasilan lukisan boleh menyatakan luahan emosi, intelektual, dan spiritual manusia. Kemahiran mengaplikasikan pelbagai jenis alat, bahan, proses, dan teknik akan menghasilkan lukisan yang baik.

## INFO

Penggunaan dakwat termasuk dalam kategori lukisan kerana dakwat tidak perlu dilarutkan.



◀ Sila imbas




Layari laman sesawang <http://arasmega.com/qr-link/cara-melukis/> untuk menonton video Cara Menggambar Wajah Dengan Pensil Step By Step. (Dicapai pada 1 April 2017)



## Latihan 1

Warnakan lukisan di bawah dengan menggunakan media kering.




### NOTA GURU

- Guru perlu membuat salinan halaman ini sebelum menjalankan aktiviti.
- Guru meminta agar murid menyimpan hasil karya untuk didokumentasikan.

## Latihan 2

Lukiskan sebuah kereta idaman kamu dan warnakannya dengan pensel warna.

Contoh:



### NOTA GURU


- Guru perlu membuat salinan halaman ini sebelum menjalankan aktiviti.
- Guru meminta agar murid menyimpan hasil karya untuk didokumentasikan.

# UNIT 2

# CATAN

Catan ialah penghasilan karya seni yang menggunakan media basah seperti cat minyak, cat akrilik, cat tempera, cat air, dan cat poster.

## Bahan Catan







### NOTA GURU

4.1.1 Guru menyatakan maksud catan.

## Proses Mencatan

- 1 Lukiskan lakaran menggunakan pensel.
- 2 Warnakan latar belakang dengan sapuan warna yang kasar mengikut warna objek.
- 3 Gunakan berus yang halus untuk mewujudkan perspektif dan ton.

### Teknik cat air

Teknik	Ciri-ciri	Contoh
Basah atas basah	Teknik yang melibatkan sapuan warna cair ke atas permukaan kertas yang basah untuk menghasilkan kesan lut sinar.	
Basah atas kering	Teknik yang melibatkan sapuan warna basah ke atas permukaan kering untuk menghasilkan kesan legap.	
Kering atas basah	Teknik yang melibatkan sapuan warna dari tiub terus disapu ke atas lapisan warna yang cair atas permukaan kertas yang telah dibasahkan.	
Kering atas kering	Teknik yang melibatkan sapuan warna yang pekat ke atas lapisan warna yang telah kering untuk menghasilkan kesan jalinan.	

#### NOTA GURU

4.1.2 Guru menyenaraikan alat, bahan, proses, dan teknik dalam aktiviti mencatan.



## Teknik cat minyak

Teknik	Ciri-ciri	Contoh
Teknik titik	Teknik ini menggunakan berus untuk membentuk tindihan titik-titik warna.	
Teknik <i>impasto</i>	Teknik palitan warna menggunakan pisau palit.	
Teknik <i>glazing</i>	Teknik ini seolah-olah menampilkan kilauan berkaca. Teknik ini dibentuk dengan sapuan berus yang bersahaja.	
Teknik <i>hard edge</i>	Teknik ini seolah-olah seperti catan yang dipotong-potong. Teknik ini menggunakan <i>masking tape</i> untuk memisahkan warna.	
Teknik lembut ( <i>scumbling</i> )	Teknik ini menggunakan berus yang terkawal, iaitu dengan meletakkan lapisan warna legap atau separuh legap pada permukaan catan untuk mendapatkan kesan kusam dan berjalinan.	
Teknik <i>'alla prima'</i>	Teknik yang menggunakan warna terus dari tiub lalu disapu pada permukaan rata atau kanvas.	



## Catan Kek Cawan

### Alat dan Bahan



### INFO

Cat akrilik boleh dicairkan dengan air untuk memberikan kesan yang sama seperti cat air atau boleh disapu dengan lebih tebal untuk menghasilkan kesan seperti cat minyak.

### Langkah-langkah mencatan:

1. Lakarkan rupa kek cawan dengan pensel.
2. Warnakan lakaran dengan warna yang terang dan nipis.
3. Warnakan lakaran dengan lapisan warna yang lebih gelap secara berperingkat-peringkat.
4. Buat perincian dan kemasan.
5. Biarkan catan kering.

### NOTA GURU

4.1.3 Guru membimbing murid menghasilkan semula lakaran idea asas catan berpandukan garisan grid dan contoh lukisan yang diberikan dan mewarna menggunakan warna poster.


**Arahan:**

Hasilkan semula catan berpandukan contoh yang diberikan.

1	2	3	4	5
2				
3				
4				
5				



**INGAT!**  
Jaga kebersihan dan keselamatan semasa menjalankan aktiviti ini.



Apakah perbezaan antara lukisan dengan catan?

**NOTA GURU**

- Guru perlu membuat salinan halaman ini sebelum menjalankan aktiviti.
- Guru meminta agar murid menyimpan hasil karya untuk didokumentasikan.

## Hasil Karya Catan Kek Cawan



Pamerkan hasil karya kamu kepada rakan-rakan di hadapan kelas.

Minta pendapat rakan-rakan berkenaan hasil karya kamu itu.



### Rumusan

Catan biasanya dihasilkan dalam bentuk dua dimensi. Fungsi catan adalah untuk menceritakan sesuatu peristiwa atau memberitahu sesuatu maksud. Catan membolehkan pelukis meluahkan perasaan dan merakamkan gambaran pemikiran melalui imej visual yang diterjemahkan dalam bentuk nyata atau abstrak.



◀ Sila imbas




Layari laman sesawang: <http://arasmega.com/qr-link/cara-mencatan/> untuk menonton video cara melukis pohon saat matahari terbenam dengan menggunakan akrilik di atas kanvas. (Dicapai pada 1 April 2017)



## Latihan 1

Warnakan lukisan di bawah dengan menggunakan cat poster bagi menghasilkan karya catan.




### NOTA GURU

- Guru perlu membuat salinan halaman ini sebelum menjalankan aktiviti.
- Guru meminta agar murid menyimpan hasil karya untuk didokumentasikan.

## Latihan 2

Warnakan gambar di bawah menggunakan media basah.



### NOTA GURU

- Guru perlu membuat salinan halaman ini sebelum menjalankan aktiviti.
- Guru meminta agar murid menyimpan hasil karya untuk didokumentasikan.

Arca merupakan hasil karya seni visual berbentuk tiga dimensi (3D). Arca diperagakan dalam suatu ruang tertentu untuk dikaji dan dinikmati nilai estetikanya. Permukaan arca dapat dirasa serta dipandang dari pelbagai sudut. Arca boleh berbentuk realistik atau abstrak.

## Jenis-jenis Arca

Arca Bergerak/Mobail



Rosli Zakaria, *Daki Ledang*, Reconstruct 2017, Besi, Batu, dan Kayu


Arca Dinding



No Perolehan : 1992.004  
Koleksi Balai Seni Negara

Azhar Abdul Manan, *Sarawak-September 1989 - Aku Lihat Warisan Yang Hilang*, 1991, Media campuran

Arca Acuan



Rosli Zakaria, *Power Of People*, 2006, Gangsa

Arca Asemblaj




No Perolehan : 1992.002  
Koleksi Balai Seni Negara

Bayu Utomo Radjikin, *Bujang Berani*, 1991, Besi dan Plaster paris

### NOTA GURU


5.1.1 Guru menyatakan maksud arca.

### Arca Berfungsi



Taman Permainan Kanak-kanak

### Arca Timbulan



Dinding Hospital Putrajaya

### Arca Binaan



No Perolehan : 1998.023  
Koleksi Balai Seni Negara

Raja Shahriman Raja Aziddin, *Killing Tools No. 13*, 1994, Welded metal

### Arca Stabail



No Perolehan : 1992.008  
Koleksi Balai Seni Negara

Mad Anuar Ismail, *Pemain Rebab No. 1*, 1991, Carved wood

### Arca Luakan



No Perolehan : 1996.004  
Koleksi Balai Seni Negara

Peon anak Bumbong, *Moyang Tenong Jerat Harimau*, 1996, Kayu



### INFO

Arca berasal daripada perkataan "sculpere" (daripada perkataan Yunani Tua) yang bermaksud mengukir, menebuk, memotong, melarik, dan sebagainya.

## Alat, Bahan dan Teknik Penghasilan Arca

Arca	Alat	Bahan	Teknik Penghasilan
Arca Timbulan	Pahat, penukul, alat pengukir, pengikis, kikir pari, kertas pasir.	Kepingan kayu, plaster paris, batu, kayu, plastik, kertas lumat, <i>papier mache</i> , tanah liat.	Acuan, tampalan, asemblaj, binaan.
Arca Asemblaj	Alat pateri, skru, paku, gergaji, ragum, gerudi, sepana hidup, pemutar skru.	Kayu, logam, batu, simen, bongkah-bongkah keluli, alat ganti kenderaan, bahan buangan, besi, roda.	Kimpalan, binaan, cantuman skru/paku, gam.
Arca Mobail	Gunting besi, alat pateri, sepana, gerudi, pemutar skru.	Besi, dawai, kertas, tali, plastik, kepingan logam, zink, kadbod.	Kimpalan, gam, skru, ikatan, jahitan, tanggam.
Arca Stabail	Alat pateri, skru, paku, gergaji, ragum, gerudi, sepana hidup, pemutar skru.	Simen, kepingan logam, plastik, alat ganti kenderaan, besi, logam, papan.	Kimpalan, skru, ikatan, acuan, binaan.
Arca Dinding	Gergaji, penukul, pemutar skru, berus cat, kertas pasir.	Papan, kepingan kayu, paku, skru, gam, cat.	Gergaji, paku, lekat, tampal, cat.
Arca Acuan	Acuan membuat arca.	Plastik, logam, simen, tanah liat, plaster paris.	Acuan.
Arca Luakan	Pahat, penukul, kapak, gergaji, alat pengukir, kertas pasir, gogal.	Bongkah kayu, plaster paris, batu marmar, batu granit, batu kapur, tanah liat.	Ukiran.
Arca Binaan	Gergaji, gergaji besi, alat pateri, gerudi, penukul.	Batu bata, besi, bongkah kayu, paku, dawai, keluli, simen.	Kimpalan, cantuman, binaan.

### NOTA GURU

5.1.2 Guru menyenaraikan alat, bahan, proses, dan teknik dalam aktiviti arca.

## Proses Membuat Arca

### 1. Pengolahan idea

Idea yang dihasilkan akan menentukan bentuk arca dengan menggunakan bahan yang bersesuaian yang akan digunakan.

### 2. Membuat model

Model akan dibuat berdasarkan lakaran. Model berbentuk tiga dimensi (3D) menjadi garis panduan kepada pengkarya dalam proses pembuatan.

### 3. Membuat arca

Bahan serta teknik-teknik yang bersesuaian digunakan untuk menghasilkan sesuatu arca.

### 4. Kekemasan dan persembahan

Penghasilan karya disudahi dengan mengecat, sepuhan, dan menggilap menggunakan pewarna dan sebagainya.



### INFO

#### Tokoh Seni: Syed Ahmad Jamal

Datuk Syed Ahmad bin Syed Jamal dilahirkan pada 19 September 1929 di bandar Maharani, Muar, Johor. Beliau mendapat pendidikan awal di Ngee Heng English School, Bukit Zahra English School (Maktab Sultan Abu Bakar), dan English College, Johor Bahru. Kemudian beliau melanjutkan pelajaran di Chelsea School of Art, London, dan Institute of Education, London University.



Beliau pernah menjadi guru di High School Batu Pahat, Johor, pensyarah di Maktab Perguruan Harian, pensyarah di Malayan Teachers' Training College, Kirkby, United Kingdom, dan pensyarah di Maktab Perguruan Ilmu Khas. Beliau juga merupakan Pengarah Balai Seni Visual Negara antara tahun 1983 hingga tahun 1991.

Beliau terkenal sebagai seorang pelukis, penulis, pereka, pendidik, dan pemimpin seni. Karya arca beliau yang terkenal ialah "Perhubungan" (1964), "Puncak Purnama" (1986), dan "Pertumbuhan" (1987). Pada tahun 1995, beliau dianugerahkan Anugerah Seni Negara yang membawa gelaran Seniman Negara. Beliau meninggal dunia pada 30 Julai 2011 ketika berusia 82 tahun.



*Pertumbuhan, 1987, Batu marmar, Arca binaan.*



### Arca Luakan Menggunakan Sabun

#### Alat dan Bahan

- Sabun
- Pen penanda
- Pembaris
- Lidi



**1** Lakarkan motif pada sabun.



**2** Lorekkan sabun menggunakan lidi dan pembaris.



**3** Kemasan karya.



#### INGAT!

Jaga kebersihan dan keselamatan semasa menjalankan aktiviti ini.

#### NOTA GURU

5.1.3 Guru membimbing murid menghasilkan lakaran bentuk arca olahan.

## Hasil Karya Daun Sabun



Pamerkan hasil karya kamu kepada rakan-rakan di hadapan kelas.

Minta pendapat rakan-rakan berkenaan hasil karya kamu itu.



### Rumusan

Arca boleh disifatkan sebagai hasil kerja tangan yang menarik. Arca mempunyai keistimewaan yang tersendiri berbanding dengan seni halus yang lain. Arca berbentuk tiga dimensi (3D), menyebabkannya lebih diminati. Sebuah arca yang menarik perlu menekankan unsur seni, prinsip rekaan, dan struktur rekaan.



Bincangkan unsur seni dan prinsip rekaan yang perlu ada dalam gubahan sesebuah reka bentuk arca yang bermutu.



### INFO

Terdapat sesetengah pihak yang menggelarkan arca asemblaj sebagai arca barangan kitar semula atau *junk sculpture*.



## Latihan 1


Isikan ruang kosong di bawah dengan pilihan jawapan yang diberi.

Timbulan

Asemblaj

Mobail

Binaan



(Sumber: Dinding Hospital Putrajaya)




### NOTA GURU

- Guru perlu membuat salinan halaman ini sebelum menjalankan aktiviti.

## Latihan 2

Lengkapkan kotak kosong dengan huruf yang betul.



### Menegak:



### Melintang:



### NOTA GURU

- Guru perlu membuat salinan halaman ini sebelum menjalankan aktiviti.

# UNIT 4

# CETAKAN



◀ Sila imbas



Info Tambahan Cetakan

<http://arasmega.com/qr-link/info-tambahan-cetakan/>  
(Dicapai pada 8 September 2017)

Cetakan ialah proses terapan blok atau plat ke atas sesuatu permukaan kertas, kain, atau bahan lain. Cetakan dapat menghasilkan beberapa keping hasil yang disebut edisi. Setiap satu edisi pula merupakan hasil karya asli.

## Jenis-jenis Cetakan



### Cetakan Timbulan

Permukaan blok atau plat yang timbul disapu dengan dakwat atau pewarna lalu dicetak di atas permukaan rata seperti kain. Abdul Latiff Mohidin, *Imago Senja*, 1968, Woodcut print

No Perolehan : 1971.025  
Koleksi Balai Seni Negara

### Cetakan Stensil/Sarigrafia/Sutera Saring

Menggunakan kain sutera yang diregang pada kayu pemedang. Imej terhasil melalui potongan kertas pendua, filem laker atau skrin foto. Cetakan ini menggunakan sekuji untuk menyapu dakwat atau warna di atas permukaan.

Raja Zahabuddin Raja Yaacob, *Luar Dari Yang Tidak*, 1972, Sutera saring



No Perolehan : 1974.023  
Koleksi Balai Seni Negara

## Alat, Bahan, Proses, dan Teknik Penghasilan Cetakan

Jenis Cetakan	Alat	Bahan	Proses Penghasilan
Timbulan	Alat pengukir, penggelek, sudu, kepingan cermin.	Kepingan linoleum, blok kayu, dakwat cetak, minyak linsid, kertas.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Lakarkan corak pada blok kayu.</li> <li>Ukir corak menggunakan alat pengukir.</li> <li>Gelekan dakwat pada blok kayu.</li> <li>Letakkan kertas pada permukaan blok kayu.</li> <li>Gosok kertas dengan belakang sudu.</li> </ul>
Stensil	Pemedang skrin, gunting, sekuji.	Kertas untuk memotong imej, kertas mencetak.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Lukis dan gunting imej atas kertas pendua.</li> <li>Letakkan imej yang telah dipotong di atas kertas permukaan dasar yang hendak dicetak.</li> <li>Letakkan skrin di atas kertas pendua.</li> <li>Tuang dakwat di sudut atas skrin.</li> <li>Ratakan dakwat dengan sekuji.</li> <li>Angkat pemedang skrin perlahan-lahan.</li> </ul>

### NOTA GURU

- 6.1.1 Guru menyatakan definisi cetakan.
- 6.1.2 Guru menyatakan jenis cetakan.
- 6.1.3 Guru menyenaraikan alat, bahan, proses, dan teknik dalam aktiviti membuat cetakan.



## Aplikasi Seni


### Cetakan Sayur-sayuran

#### Alat dan Bahan

- Palet
- Air
- Berus lukisan
- Cat poster
- Penggelek
- Kertas lukisan
- *Mounting board*
- Kadbod
- Gam
- Pisau
- Sudu
- Sayur-sayuran




Potong pelbagai jenis sayur-sayuran.



Susun dan gamkan potongan sayur-sayuran di atas *mounting board*.



Gelekan warna di atas potongan sayur-sayuran menggunakan alat penggelek.



Tekankan kertas lukisan di atas potongan sayur-sayuran dan gosok dengan rata menggunakan sudu.



Kemasan karya.



#### INFO

Teknik cetakan blok kayu buatan tangan yang paling awal dan pertama kali muncul di negara China pada kurun ke-8.




#### INGAT!

Jaga kebersihan dan keselamatan semasa menjalankan aktiviti ini.

#### NOTA GURU

- 6.1.4 Guru membimbing murid membuat cetakan timbulan berbentuk rupa dengan menggunakan kaedah cetakan sayuran.
- 6.1.5 Guru membimbing murid mengaplikasikan unsur seni dan prinsip rekaan dalam penghasilan karya.

## Hasil Karya Cetakan Sayur-sayuran



Pamerkan hasil karya kamu kepada rakan-rakan di hadapan kelas.



Minta pendapat rakan-rakan berkenaan hasil karya kamu itu.



### Rumusan

Cetakan ialah proses menghasilkan karya atau imej yang sama berulang kali. Cetakan memerlukan proses tertentu untuk menghasilkan karya. Cetakan digunakan untuk pendidikan, propaganda, keagamaan, dan seni tekstil. Di Malaysia, cetakan kayu digunakan dalam penghasilan kain batik sarung.

#### NOTA GURU

- 6.1.6 Guru membantu murid mempamerkan hasil karya.
- Guru meminta agar murid menyimpan hasil karya untuk didokumentasikan.

## Latihan 1

Cari bahan berikut dalam kotak di bawah.

Blok kayu	Dakwat	Turpentin	Sabun
Linoleum	Kertas	Minyak linsid	Stensil

B	L	O	K	K	A	Y	U	R	S	U	K
I	T	I	Y	T	O	K	W	I	A	B	E
L	A	N	D	I	S	U	N	E	B	U	R
D	E	S	T	E	N	S	I	L	U	P	T
A	N	I	K	A	S	A	W	A	N	I	A
K	O	H	C	I	N	D	E	T	U	B	S
W	A	K	I	L	O	R	I	A	K	A	D
A	S	T	U	R	P	E	N	T	I	N	A
T	E	B	P	A	R	U	F	G	L	O	N
O	F	L	I	N	O	L	E	U	M	I	G
N	U	T	A	H	E	N	U	N	A	G	U
M	I	N	Y	A	K	L	I	N	S	I	D

### NOTA GURU

- Guru perlu membuat salinan halaman ini sebelum menjalankan aktiviti.

## Latihan 2

Hasilkan satu karya cetakan stensil blok kad manila.



Apakah alat yang dapat menggantikan sekuji sebagai perata warna dalam cetakan sutera saring?

### NOTA GURU

- Guru perlu membuat salinan halaman ini sebelum menjalankan aktiviti.
- Guru meminta agar murid menyimpan hasil karya untuk didokumentasikan.



# MODUL 4

# KOMUNIKASI VISUAL


Komunikasi visual melalui **Poster**.



## 7.1 : KOMUNIKASI VISUAL MELALUI POSTER

### Murid berupaya:

- 7.1.1 Mendefinisikan poster.
- 7.1.2 Menyatakan jenis poster.
- 7.1.3 Menyebutkan alat, bahan, proses, dan teknik dalam aktivitas membuat poster.
- 7.1.4 Menghasilkan poster dengan reka letak tipografi, imej, dan warna yang sesuai.
- 7.1.5 Mengaplikasikan unsur seni dan prinsip rekaan dalam penghasilan karya.
- 7.1.6 Mempamerkan hasil karya.







(Sumber: Facebook Majlis Perbandaran Selayang)



(Sumber: Facebook Dewan Bandaraya Kuala Lumpur)



(Sumber: Facebook Proton)



(Sumber: Facebook KTM Berhad)



# KOMUNIKASI VISUAL MELALUI POSTER

Poster ialah satu rekaan grafik yang melibatkan tipografi, ilustrasi, fotografi, warna, dan reka letak yang digubah untuk menyampaikan maklumat secara mudah dan menarik.

## Jenis-jenis Poster

### Fotografi



(Sumber: Tourism Malaysia)

### Iklan dan Promosi



(Sumber: Facebook KTM Berhad)

### Kesedaran



(Sumber: Facebook Kementerian Kesihatan Malaysia)

### Sukan



(Sumber: Facebook Petronas)

### NOTA GURU

- 7.1.1 Guru menyatakan definisi poster.
- 7.1.2 Guru menyatakan jenis poster.

### Kreatif dan artistik



(Sumber: Facebook Majlis Perbandaran Selayang)

### Pameran



(Sumber: Facebook Tourism Malaysia)


### Perkhidmatan Awam



(Sumber: Facebook Air Selangor)

## Proses Reka Bentuk Poster

1. Menentukan tema dan tajuk.
2. Mendapatkan maklumat berkaitan tema melalui kajian bagi mendapatkan pemahaman yang lebih mendalam.
3. Membuat beberapa lakaran kasar dan memilih hasil terbaik.
4. Memilih muka taip, ilustrasi, atau gambar foto yang bersesuaian.
5. Menghasilkan poster berdasarkan teknik dan media yang telah ditetapkan.
6. Komponen dalam penghasilan poster adalah seperti di bawah.



### NOTA GURU

7.1.3 Guru menyenaraikan alat, bahan, proses, dan teknik dalam aktiviti membuat poster.

# Teknik Penghasilan Poster

## Teknik Lukisan

### Ciri-ciri:

Menggunakan media kering.

### Alat dan bahan:

Pensel, pen, pensel warna, krayon, pastel, kertas lukisan, dan lain-lain.



## Teknik Catan

### Ciri-ciri:

Menggunakan media basah.

### Alat dan bahan:

Cat air, cat poster, cat akrilik, cat minyak, berus lukisan, palet, kertas lukisan, dan lain-lain.


## Teknik Kolaj

### Ciri-ciri:

Menggunakan teknik potong dan tampal daripada akhbar, majalah, dan sebagainya.

### Alat dan bahan:

Pensel, pen, pensel warna, krayon, pastel, kertas lukisan, dan lain-lain.



## Teknik Cetakan

### Ciri-ciri:

Menggunakan teknik cetakan daripada jenis cetakan timbunan, benaman, planograf, stensil, dan juga cetakan komputer.

### Alat dan bahan:

Bergantung kepada jenis cetakan yang digunakan.

## Teknik Campuran

### Ciri-ciri:

Menggunakan aplikasi dari pelbagai teknik seperti lukisan, catan, kolaj, dan cetakan.

### Alat dan bahan:

Bergantung kepada teknik yang digunakan.






## Aplikasi Seni

### Poster Pesta Durian (Teknik Campuran)

#### Alat dan Bahan

- Pensel
- Pemadam
- Kertas lukisan
- Kertas warna
- Gunting
- Gam
- Warna poster
- Berus lukisan
- Air
- Muka taip
- Palet



- 1 Lakarkan idea berdasarkan tema.



- 2 Pilih muka taip yang sesuai.



- 3 Guntingkan muka taip.




#### INGAT!


Jaga kebersihan dan keselamatan semasa menjalankan aktiviti ini.

#### NOTA GURU

- 7.1.4 Guru membimbing murid menghasilkan poster dengan reka letak tipografi, imej, dan warna yang sesuai.
- 7.1.5 Guru membimbing murid mengaplikasikan unsur seni dan prinsip rekaan dalam penghasilan karya.



**4** Warnakan latar belakang lakaran dengan cat poster.



**5** Warnakan objek utama dengan cat poster.



**6** Koyakkan kertas warna kepada cebisan kecil dan gamkannya pada lakaran.



**7** Gamkan muka taip.



**8** Tuliskan tarikh dan tempat.



**9** Kemasan karya.

## Hasil Karya Poster Pesta Durian



Pamerkan hasil karya kamu kepada rakan-rakan di hadapan kelas.

Minta pendapat rakan-rakan berkenaan hasil karya kamu itu.



### Rumusan

Poster memainkan peranan yang penting dalam komunikasi yang efektif. Poster digunakan sebagai alat pengumuman, pemberitahuan, dan pengiklanan. Penghasilan poster mestilah dapat menarik perhatian dan juga menyampaikan mesej dengan jelas, cepat, dan berkesan.



Bincangkan saiz dan jenis muka taip yang sesuai digunakan dalam poster.



### INFO

Sebuah poster itu berjaya apabila dapat menyampaikan mesej dengan jelas kepada masyarakat.

### NOTA GURU


7.1.6 Guru membantu murid mempamerkan hasil karya.

- Guru meminta agar murid menyimpan hasil karya untuk didokumentasikan.


## Latihan 1

Pilih satu poster di bawah dan warnakan poster yang menunjukkan tema pelancongan.

# PELIHARA HIDUPAN MARIN



# CUTI-CUTI MALAYSIA




### NOTA GURU

- Guru perlu membuat salinan halaman ini sebelum menjalankan aktiviti.
- Guru meminta agar murid menyimpan hasil karya untuk didokumentasikan.




## Latihan 2

Lengkapkan poster dengan melukis muka taip yang sesuai.



### NOTA GURU

- Guru perlu membuat salinan halaman ini serta membincangkan tajuk yang sesuai sebelum menjalankan aktiviti.
- Guru meminta agar murid menyimpan hasil karya untuk didokumentasikan.



# MODUL 5

## KRAF TRADISIONAL

Kraf tradisional merangkumi Projek Kraf Anyaman.



### 8.1: PROJEK KRAF ANYAMAN

#### Murid berupaya:


- 8.1.1 Mendefinisikan anyaman.
- 8.1.2 Menyatakan jenis anyaman.
- 8.1.3 Menyenaraikan alat, bahan, proses, dan teknik dalam aktiviti membuat anyaman.
- 8.1.4 Menghasilkan anyaman dengan reka letak imej dan warna yang sesuai.
- 8.1.5 Mengaplikasikan unsur seni dan prinsip rekaan dalam penghasilan karya.
- 8.1.6 Mempamerkan hasil karya.



#### INFO

##### Adiguru Kraf Anyaman Rotan

Ishak bin Kassim atau lebih mesra dengan panggilan Nan dilahirkan pada 6 Oktober 1959 di Kampung Bukit Piatu, Melaka. Kraftangan Malaysia telah melantik beliau sebagai Adiguru Kraf Anyaman Rotan pada tahun 2011.





(Sumber: Ishak bin Kassim)

# PROJEK KRAF

## ANYAMAN

Anyaman ialah satu proses menjalin helaian atau jalur-jalur daun mengkuang atau daun pandan mengikut peraturan-peraturan yang tertentu.

Jenis Anyaman	Bahan	Contoh Produk	Gambar
Anyaman mengkuang	Daun mengkuang	Tikar, tudung saji, bekas pakaian, dan lain-lain.	
Anyaman pandan	Daun pandan duri	Beg tangan, hiasan dinding, dan lain-lain.	
Anyaman buluh	Jenis-jenis buluh yang sesuai	Bakul, bekas pakaian, nyiru, dan lain-lain.	
Anyaman rotan	Rotan yang telah diproses	Bakul, bekas pakaian, nyiru, dan lain-lain.	
Anyaman lidi	Lidi kelapa	Lekar, bekas buah, bekas telur, dan lain-lain.	
Anyaman ribu-ribu	Paku-pakis ribu-ribu	Tempat tembakau, bekas sireh, dan lain-lain.	

### NOTA GURU

- 8.1.1 Guru menyatakan definisi anyaman.
- 8.1.2 Guru menyatakan jenis anyaman.

## Peralatan Anyaman

Alat	Kegunaan	Gambar
Parang	Digunakan untuk memotong daun pandan dan daun mengkuang.	
Penyisip	Digunakan ketika membuat sisipan untuk mengelakkan anyaman daripada terurai.	
Pisau	Digunakan untuk membuang duri di bahagian tulang belakang (mempulur) daun.	
Jangka	Digunakan untuk mencarik atau membelah daun pandan atau mengkuang menjadi lembaran.	
Pelurut	Digunakan bagi melembutkan bilah atau helaian daun yang telah dijangka.	

(Sumber gambar: Pandan Molek Enterprise)

## Proses Penyediaan Daun Pandan/Daun Mengkuang

- |                       |                       |
|-----------------------|-----------------------|
| <b>1</b> Menetak daun | <b>5</b> Merendam     |
| <b>2</b> Melayur      | <b>6</b> Menjemur     |
| <b>3</b> Menjangka    | <b>7</b> Mewarna daun |
| <b>4</b> Melurut      |                       |

### NOTA GURU


8.1.3 Guru menyenaraikan alat, bahan, proses, dan teknik dalam aktiviti membuat anyaman.




### Anyaman Ikan

#### Alat dan Bahan

- Pensel
- Pemadam
- Kertas lukisan
- Kertas warna
- Pembaris
- Gunting
- Gam
- Pen



**1** Lakarkan rupa ikan pada kertas lukisan.



**2** Guntingkan lakaran.



**3** Lipatkan rupa ikan dan lakarkan garisan.




#### INGAT!

Jaga kebersihan dan keselamatan semasa menjalankan aktiviti ini.

#### NOTA GURU

- 8.1.4 Guru membimbing murid menghasilkan anyaman dengan reka letak imej dan warna yang sesuai.
- 8.1.5 Guru membimbing murid mengaplikasikan unsur seni dan prinsip rekaan dalam penghasilan karya.




**4** Guntingkan garisan.




**5** Lakarkan garisan pada kertas warna.



**6** Guntingkan kertas warna mengikut garisan.



**7** Anyamkan helaian kertas warna pada rupa ikan.



**8** Potong dan kemaskan karya.



Bincangkan media yang boleh digunakan untuk menghasilkan anyaman dimensi baharu.

## Hasil Karya Anyaman Ikan



Pamerkan hasil karya kamu kepada rakan-rakan di hadapan kelas.

Minta pendapat rakan-rakan berkenaan hasil karya kamu itu.



### Rumusan

Anyaman merupakan sejenis kraf tangan yang memerlukan ketelitian, kesungguhan, dan kesabaran untuk dihasilkan. Pelbagai rupa bentuk kraf tangan dapat dihasilkan melalui proses dan teknik anyaman daripada daun pandan, daun mengkuang, rotan, buluh, dan sebagainya.



### ASAS KEUSAHAWANAN

Berdasarkan teknik anyaman yang dipelajari, kamu juga boleh menghasilkan anyaman pada tudung saji, kotak pensel, atau penanda buku.



### NOTA GURU

8.1.6 Mempamerkan hasil karya.

- Guru meminta agar murid menyimpan hasil karya untuk didokumentasikan.



## Latihan 1

Lengkapkan proses penyediaan daun pandan/daun mengkuang mengikut urutan yang betul.

Merendam

Melurut

Melayur

Mewarna daun

Menjangka

Menetak daun

Menjemur

- 1
- ↓
- 2
- ↓
- 3
- ↓
- 4
- ↓
- 5
- ↓
- 6
- ↓
- 7


### NOTA GURU

- Guru perlu membuat salinan halaman ini sebelum menjalankan aktiviti.


## Latihan 2

**Alat dan Bahan:** Pensel, kertas warna, pembaris, gunting dan gam.

**Arahan:** Gunting kertas warna 1.5 cm lebar dan anyam mengikut motif yang diberikan.



Kelarai Bunga Mempalas



### NOTA GURU

- Guru perlu membuat salinan halaman ini sebelum menjalankan aktiviti.
- Guru meminta agar murid menggunting garisan menegak pada kotak anyaman.
- Guru meminta agar murid menyimpan hasil karya untuk didokumentasikan.



# MODUL 6

# FOLIO

Mendokumentasikan Folio Seni Halus.

## 9.1: FOLIO SENI HALUS

**Murid berupaya:**

- 9.1.1 Mendokumentasikan hasil karya.
- 9.1.2 Membuat urutan penghasilan karya dalam Folio Seni Halus.
- 9.1.3 Menjelaskan karya melalui menyusun mengikut kandungan tugas yang ditetapkan.
- 9.1.4 Mempersembahkan karya dengan bahasa seni visual.



# FOLIO SENI HALUS

Folio merupakan satu bentuk dokumentasi yang mengandung hasil karya seni halus yang disusun mengikut urutan.

## Format Folio Seni Halus



Perkara-perkara yang perlu ada di dalam sesebuah folio seni halus ialah:

1. Muka depan folio seni halus
  - (a) Judul folio
  - (b) Nama murid
  - (c) Kelas
  - (d) Nama sekolah
  - (e) Nama guru
2. Kandungan
  - (a) Lukisan
  - (b) Catan
  - (c) Arca
  - (d) Cetakan

Langkah-langkah menghasilkan folio seni halus:

1. Memilih alat dan bahan yang sesuai.
2. Menghasilkan folio.
3. Menyusun karya mengikut bidang seni halus.

### NOTA GURU

- 9.1.1 Mendokumentasikan hasil karya.
- 9.1.2 Membuat urutan penghasilan karya dalam folio seni halus.




## Aplikasi Seni

### Folio Seni Halus

#### Alat dan Bahan


- 2 *Mounting board* (saiz A3)
- 4 Sampul surat (saiz A3)
- Kertas
- Reben
- Kad manila (saiz A3)
- Gunting
- Gam
- Pen penanda



- 1** Sediakan dua keping *mounting board* dan sehelai kad manila bersaiz A3.



- 2** Lipatkan kad manila menjadi bentuk kipas.



- 3** Gamkan reben di atas kedua-dua *mounting board*.



- 4** Gamkan kad manila kipas di tengah-tengah *mounting board*.

#### NOTA GURU

- 9.1.3 Menjelaskan karya melalui menyusun mengikut kandungan tugas yang ditetapkan.  
9.1.4 Mempersembahkan karya dengan bahasa seni visual.



**5** Gamkan keempat-empat sampul surat pada bahagian kad manila.



**6** Tuliskan butiran peribadi pada sehelai kertas dan tampalkan pada muka depan folio.



**7** Masukkan semua hasil karya seni halus di dalam sampul surat.



**8** Ikat reben dengan kemas.

**INGAT!**  
 Jaga kebersihan dan keselamatan semasa menjalankan aktiviti ini.



**9** Simpan folio sebagai rujukan.

# GLOSARI

*adiguru kraf* seseorang yang diberi penghormatan dan pengiktirafan oleh Kerajaan Malaysia sebagai seorang tokoh/*master craftsmen* setelah mereka menepati beberapa kriteria.

*alla prima* kaedah menghasilkan lukisan cat dengan menyapu warna hanya sekali.

*arca* citra tiga dimensi atau bentuk ukiran timbul.

*arca timbunan* arca yang mempunyai imej timbul separuh daripada permukaan dan tidak tiga dimensi sepenuhnya.

*asemblaj* teknik menggabung bahan kutipan untuk menghasilkan karya tiga dimensi.

*bahantara* bahan yang digunakan oleh pelukis untuk menghasilkan karyanya.

*blok* kayu yang telah diguris yang digunakan untuk mencetak.

*blok linoleum* blok kayu cetak timbul yang mempunyai linoleum di permukaannya untuk cetak toreh lino.

*cat air* cat yang menggunakan air sebagai bahantaranya.

*cat akrilik* cat sintetik yang berasaskan air.

*cat emulsi* cat yang menggunakan air sebagai bahan asas.

*cat minyak* cat yang dicampur dengan minyak dan pewarna yang dijadikan sebagai bahan pemekat atau pengering.

*cat poster* cat lepa yang disediakan di dalam tiub botol atau tin, yang dibuat dengan bahan pengikat larut air yang digunakan untuk melukis gambar.

*cat tempera* cat daripada serbuk pewarna yang diadun dengan bahan pengikat, seperti kuning telur atau gam cecair, untuk menjadi emulsi campuran air.

*cetakan* hasil cetak timbul, intaglio dan planografi.

*estetik* berkenaan keindahan atau penghargaan terhadap keindahan (terutamanya dalam bidang seni).

*folio* 1. sukatan besar buku (satu lembar kertas cetak yang dilipat dua sehingga mempunyai empat muka); 2. lembar yang terdiri daripada muka kiri dan kanan yang mempunyai satu nombor.

*gurusan* hasil cetak yang melalui proses intaglio.

*hard edge* lukisan cat abstrak yang mempunyai rupa-rupa bentuk yang jelas dan berbatasan tepat serta gubahan yang ringkas.

*ilustrasi* gambar (lukisan dan sebagainya) untuk menerangkan atau menghiasi sesuatu (dalam buku, majalah, dan lain-lain).

*impasto* penggunaan cat yang tebal pada lukisan.

*intaglio* pengkaryaan seni dua dimensi yang melalui proses melukis dengan cara mengukir pada plat logam atau kayu dan kemudiannya dicetak.

*kad gelugur* kad atau kertas tebal yang berombak permukaannya yang dijadikan sebagai pembungkus.

*kanvas* bahan fabrik yang dijadikan sebagai permukaan lukisan cat.

*kemasan akhir* penyempurnaan kerja seni sebelum dipamer atau dijual.

*krayon* media lukis daripada lilin berwarna.

*linoleum* bahan tebal dan kuat untuk menutupi lantai.

*litografi* proses mencetak dengan tapak satah daripada batu, logam, atau plastik.

*luakan* kaedah membuat arca dengan mengurangkan jisim bahan.

*lukisan* 1. sesuatu yang dilukis. 2. keterangan, cerita dan lain-lain yang menggambarkan sesuatu.

*lukisan arang* lukisan yang dihasilkan dengan bahan arang.

*mempulur* isi atau bahagian yang lembut dalam batang tumbuh-tumbuhan jenis palma, seperti kelapa, pinang, dan lain-lain.

*minyak linsid* minyak rami yang dijadikan sebagai campuran cat minyak dalam teknik lukisan cat minyak.

*mobail* arca yang mengandungi bentuk yang pelbagai, yang digantung dan akan bergoyang atau bergerak apabila disentuh atau ditiup angin.

*palet* alat daripada kepingan papan, kaca, atau plastik yang digunakan oleh pelukis cat untuk menyediakan cat sebelum disapu pada lukisan.

*pastel* pigmen berbentuk batang seperti kapur, diperbuat daripada pewarna serbuk dan gam pengikat.

*pemati* bahan pelindung kalis air yang digunakan untuk melindungi hasil seni daripada kekotoran.



*pewarna* pewarna dalam bentuk serbuk halus, yang tidak larut, digunakan untuk membuat cat, dakwat cetak, dan pelbagai barangan industri.

*pisau palet* pisau untuk memalit atau mengadun cat.

*planografi* proses mencetak dengan permukaan datar litografi.

*reka bentuk poster* gubahan dan bentuk kandungan poster yang mengutamakan kejelasan dan keberkesanan mesej.

*scumbling* membubuh lapisan nipis warna legap atau separuh legap pada permukaan lukisan cat minyak untuk mendapatkan kesan kusam dan bertekstur.

*seni halus* cabang dan karya seni yang mempunyai nilai keindahan dan memberikan kepuasan cita rasa kepada peminatnya.

*seramik* seni membuat barang-barang atau hiasan daripada tanah liat.

*stabail* arca yang serupa dengan arca mobail tetapi tidak bergerak.

*sutera saring* proses mencetak yang melibatkan cat atau dakwat disaring ke atas kertas atau tekstil melalui saring yang dibuat daripada sutera.

*tanah liat* bahantara untuk membuat seramik dan arca.

*tembikar* barang-barang seramik, khususnya yang diperbuat daripada tanah liat berliang.

*tipografi* 1. kerja atau proses menyusun dan menyediakan bahan bertulis untuk pencetakan; 2. gaya, bentuk susunan, dan rupa sesuatu bahan bercetak.

*turpentin* minyak pelarut yang tidak berwarna yang digunakan sebagai pencair cat minyak.

*ukiran* bentuk seni yang dihasilkan melalui proses memotong, menggaris, menoreh, dan sebagainya pada permukaan kayu atau batu.

# SENARAI RUJUKAN

- Beloil, G., Riabovitchev, A., & Castro, R. F., (2013). *Art Fundamentals*. UK: 3D Total Publishing.
- Chang Hon Woon, (2008). *Teori Seni Visual* (Edisi ke-2). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Evans, J. & Skelton, T., (2001). *How to Teach Art to Children*. USA: Evan Moor Educational Publishers.
- Henry, S., (2007). *Making Amazing Art: 40 Activities Using the 7 Elements of Art Design*. USA: Ideals Publications Inc.
- Kementerian Pelajaran Malaysia, (1998). *Buku Sumber Guru Pendidikan Seni Visual*. Putrajaya: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Logan, D. M., (2005). *Dynamic Art Projects for Children*. USA: Crystal Productions.
- Mohd Johari Ab. Hamid, (2006). *Asas Seni Visual*. Tanjong Malim: Penerbit UPSI.
- Mohd Zuri Ghani, (2014). *Pendidikan Kanak-kanak Berkeperluan Khas*. Tanjong Malim: Penerbit UPSI.
- Prince, E. S., (2008). *Art is Fundamental: Teaching the Elements and Principles of Art in Elementary School*. USA: Chicago Review Press.
- Wan Hasmah Wan Mamat & Nur Munirah Teoh Abdullah, (2015). *Siri Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran: Kecerdasan Pelbagai*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wenzel, A., (2013). *13 Art Techniques Children Should Know*. UK: Prestel.

Dengan ini, **SAYA BERJANJI** akan menjaga buku ini dengan baik dan bertanggungjawab atas kehilangannya, serta mengembalikannya kepada pihak sekolah pada tarikh yang ditetapkan.

**Skim Pinjaman Buku Teks**

**Sekolah** \_\_\_\_\_

Tahun	Tingkatan	Nama Penerima	Tarikh Terima

Nombor Perolehan: \_\_\_\_\_

Tarikh Penerimaan: \_\_\_\_\_

**BUKU INI TIDAK BOLEH DIJUAL**



RM29.10

ISBN 978-967-0520-96-4



FTK182001